

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM
[KAPAR]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**PERTANYAAN BERTULIS**

Y.B. TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM [KAPAR] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan jumlah pengambilan untuk Kursus Dalam Cuti (KDC) bagi mengatasi kekurangan tenaga kerja di sekolah SRJK Tamil dan Cina. Sekiranya ya, bilakah akan dilaksanakan dan sekiranya tidak, nyatakan sebab-sebab.

JAWAPAN

Untuk maluman Ahli Yang Berhormat, Kursus Dalam Cuti (KDC) bagi Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) merupakan salah satu daripada beberapa program latihan lain dalam menghasilkan guru terlatih untuk bekalan sekolah. Ambilan guru bagi program KDC dibuat dari semasa ke semasa. Pertambahan ambilan guru KDC akan dibuat sekiranya terdapat perjawatan yang tidak dapat dipenuhi oleh keluaran pelbagai latihan praperkhidmatan. Semakan terhadap keperluan pengambilan juga dibuat dari setahun ke setahun. Keperluan pengambilan guru KDC adalah tertakhluk kepada syarat-syarat kelayakan dan jumlah waran perjawatan yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

SOALAN NO. (191)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN
(PADANG SERAI)**

SOALAN :

Y.B. TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN (PADANG SERAI)
minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**
menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh
Kerajaan untuk membantu pembeli-pembeli tanah di projek
Park Lands Padang Meha iaitu satu projek oleh Alamanda Sdn.
Bhd.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui semakan yang
dibuat dengan Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan,
Jabatan Perumahan Negara, didapati bahawa projek ini tidak
mempunyai lesen pemajuan perumahan. Berdasarkan
persoalan yang diajukan, ianya hanyalah melibatkan
penjualan lot-lot tanah sahaja dan tidak perlu dilesenkan

dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan(KPKT). Oleh yang demikian, iaanya tidak tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di bawah Akta 118.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2010

No. Soalan : 192

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN GOBALANKRISHNAN A/L NAGAPAN

TARIKH : -

SOALAN

Tuan Gobalankrishnan A/L Nagapan [Padang Serai] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapa banyakkah permit-permit lori Kelas A untuk syarkat-syarikat logistik yang beroperasi di dalam kawasan Parlimen Padang Serai dalam 5 tahun kebelakangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh lima (5) tahun iaitu dari tahun 2005 hingga tahun 2009, sebanyak 15 lesen telah diluluskan kepada syarikat yang beroperasi di kawasan Parlimen Padang Serai. Butiran terperinci jumlah keseluruhan lesen di Parlimen Padang Serai adalah seperti berikut:-

Pemilikan	Padang Serai	Lunas	Merbau Pulas	Jumlah	Peratus
Syarikat / Koperasi	6	9	0	15	28%
Enterprise / Milikan Tunggal	9	29	0	38	72%
Jumlah	15	38	0	53	100%

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BUKAN LISAH**
 DARIFADA : **TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN**
 SOALAN NO. : **193**

SOALAN:

Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan (Padang Serai) minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyaknya bot dipertukarkan di kawasan Kulim untuk menghadapi banjir.

JAWAPAN:

1. Bagi tujuan menghadapi banjir kesemua aset termasuk bot telah sedia ada di Ibu Pejabat Agensi-Agenzi Penyelamat Negeri seperti Polis DiRaja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia dan lain-lain agensi lagi. Bot-Bot yang ada di Negeri Kedah setakat ini adalah seperti berikut:-

Polis Diraja Malaysia	-	28 buah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	-	12 buah
Angkatan Tentera Malaysia	-	11 buah
Jabatan Pertahanan Awam	-	15 buah
MADA	-	<u>2 buah</u>
Jumlah		<u>68 buah</u>

Bot-bot ini akan digunakan bila timbul keperluan di kawasan-kawasan yang menghadapi banjir.

2. Majlis Keselamatan Negara telah juga memperuntukkan 5 buah bot penyelamat tambahan bagi kegunaan Negeri Kedah untuk menampung keperluan di kawasan-kawasan yang dilanda banjir termasuk Kulim sekiranya wujud keperluan secara gunasama. Kerajaan tidak mampu untuk menempatkan bot penyelamat di semua daerah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN [PADANG SERAI]
SOALAN	:	194

Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan [Padang Serai] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan mencapai matlamat kuota 55% bagi kaum Melayu dan 45% bagi kaum-kaum bukan Melayu sebagai pekerja di semua sektor awam.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan bersetuju supaya penyertaan pelbagai kaum dalam sektor awam mengambil kira peratus komposisi kaum dalam negara.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2008, peratus bagi Bumiputera (termasuk Bumiputera Sabah dan Sarawak) adalah 66.6%, manakala bukan Bumiputera adalah 33.4%. Sehingga 31 Disember 2009, pencapaian pengisian bukan Bumiputera dalam sektor awam adalah 14.1%. Walau apapun, pencapaian pengisian tersebut bergantung kepada jumlah permohonan dari kalangan bukan

Bumiputera yang masih rendah masa kini berbanding Bumiputera untuk berkhidmat dengan sektor awam.

Disediakan oleh :

Jabatan Perkhidmatan Awam

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIFADA: Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN

SOALAN:

Y.B. Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan [Padang Serai] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan adakah Kerajaan merancang untuk menghapuskan sistem pengambilan pekerja kontrak bagi pekerja tempatan di kilang-kilang.

PR-1231-T36919

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Malaysia mengamalkan sistem ekonomi terbuka dan kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan sistem pengambilan pekerja kontrak bagi pekerja tempatan di sektor perkilangan ataupun sektor lain. Ini adalah kerana pengambilan pekerja kontrak dapat mengisi kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh majikan walaupun untuk suatu tempoh yang terhad. Peluang pekerjaan sebegini juga akan memberi manfaat kepada *latent workforce* seperti suri rumah, pesara, Orang Kurang Upaya (OKU) dan golongan pelajar yang sedang menunggu keputusan peperiksaan ataupun pelajar-pelajar universiti dan kolej yang sedang bercuti semester.

Kebiasaan pihak majikan yang menerima tempahan yang tinggi untuk tempoh tertentu memerlukan pekerja secara kontrak dan setelah menepati permintaan ditetapkan, pihak syarikat tidak lagi memerlukan khidmat pekerja-pekerja tersebut. Dengan adanya sistem pengambilan pekerja secara kontrak, pihak majikan dapat menjimatkan kos mereka dengan tidak menggajikan pekerja secara tetap.

Tuan Yang Di Pertua,

Sekiranya pengambilan pekerja kontrak yang terdiri dari pekerja tempatan dihapuskan, Kementerian Sumber Manusia percaya kebergantungan negara terhadap pekerja asing akan terus meningkat di mana pihak majikan terpaksa beralih kepada pekerja asing untuk memenuhi permintaan pasaran mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat, suka saya menekankan bahawa pekerja kontrak juga turut menerima perlindungan di bawah undang-undang perburuhan negara.

DR(15 Mac-15 April 10)/has... 2.3.10/Gobalakrishnan T36919

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

JAWAPAN DILIH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA,

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah nilai blok bangunan sekolah yang sedang dibina di SRJK (C) Ayer Tawar, Perak dan kenapa pembinaannya terhenti. Bilakah ia dijangka siap dibina.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nilai projek bagi pembinaan blok tambahan bangunan SJKC Ayer Tawar, Perak adalah RM2.18 juta. Projek ini terhenti pembinaannya disebabkan oleh kelewatan pihak kontraktor menyiapkan kerja dan pihak JKR memutuskan untuk menamatkan kontrak tersebut pada 15 Jun 2009. Projek ini telah ditender semula dan dijangka siap pada Disember 2010.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

SOALAN : NO. 197

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan kenapa terdapat 2 janakuasa yang besar di Daerah Manjung tetapi Daerah Manjung masih mengalami kekurangan bekalan elektrik. Apa tindakan yang sedang diambil untuk mengatasi masalah ini dan bilakah ianya dijangka akan dapat diatasi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Dua buah stesen janakuasa besar yang dimaksudkan dan berada di Daerah Manjung adalah Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah dan Stesen Janakuasa Segari yang menjana elektrik terus ke Grid Nasional. Bekalan elektrik untuk Daerah Manjung pula adalah diambil terus dari Grid Nasional melalui beberapa Pencawang Masuk Utama (PMU) yang terletak di beberapa kawasan strategik untuk menyalurkan bekalan elektrik kepada penduduk-penduduk di daerah tersebut.

Berkemasan isu kekurangan bekalan elektrik seperti yang disebutkan, ingin saya jelaskan di sini bahawa kehendak maksimum (*maximum demand*) bekalan elektrik terkini untuk Daerah Manjung adalah sebanyak 103MW berbanding dengan kapasiti terpasang (*installed capacity*) keseluruhan sebanyak 388MW. Ini menunjukkan bahawa

kapasiti penyediaan di Daerah Manjung adalah lebih dari mencukupi untuk menampung keperluan penduduk.

Dari segi petunjuk *System Average Interruption Duration Index (SAIDI)* untuk tahun 2009, indeks SAIDI bagi Daerah Manjung adalah sebanyak 191.46 minit/pengguna/tahun. Manakala, bagi tempoh Januari 2010 sehingga Mac 2010, indeks SAIDI adalah 42.42 minit/pengguna. Berdasarkan unjuran pihak TNB, indeks SAIDI pada tahun 2010 adalah 169.68 minit/pengguna. Ini bermakna, prestasi pembekalan elektrik di daerah Manjung akan bertambah baik pada tahun 2010.

Pihak TNB akur bahawa terdapat peningkatan gangguan bekalan elektrik, terutamanya di kawasan Pantai Remis di bawah Parlimen Beruas pada tahun 2009. Gangguan-gangguan tersebut termasuk disebabkan oleh kerosakan kabel 11kV dan 33kV, vandalisme serta aktiviti korekan oleh pihak ketiga.

Bagi mempertingkatkan lagi prestasi pembekalan elektrik sedia ada di kawasan tersebut, pihak TNB telah dan sedang melaksanakan program pengukuhan sistem 33kV yang dianggarkan menelan belanja sebanyak RM36.5 juta.

Diantara projek untuk pengukuhan sistem 33kV adalah seperti berikut:

- i) membina PPU Beruas dengan kos RM6.0 juta yang telah beroperasi pada akhir Februari 2010;
- ii) pemuliharaan (*rehabilitation*) Pencawang Pembahagian Utama (PPU) Pantai Remis dengan kos pembaikan sebanyak RM5.5 juta yang dijadualkan siap pada akhir Julai 2010; dan
- iii) membina PPU Setiawan yang berkeupayaan 2x15MVA dengan kos RM25.0 juta, yang dijadualkan siap pada November 2011.

Pihak TNB telah memperuntukkan belanjawan sebanyak RM3.2 juta bagi Tahun Kewangan TNB 2010 (September 2009 sehingga Ogos 2010) ini untuk kerja-kerja penambahbaikan di Daerah Manjung demi memastikan bahawa infrastruktur bekalan elektrik beroperasi pada tahap optimum. Ia termasuk melaksanakan kerja penyelenggaraan berjadual terhadap sistem bekalan elektrik, mengganti pepasangan lama, penyelenggaraan lampu awam, kerja-kerja penyelenggaraan rentis talian atas voltan sederhana dan rendah, rondaan laluan kabel secara berkala demi memantau keadaan pepasangan dan sebarang aktiviti pembinaan/korekan oleh pihak ketiga.

Seterusnya, pihak TNB juga sedang merancang kerja-kerja memperkuuhkan sistem Voltan Sederhana dengan anggaran RM10.9 juta pada Tahun Kewangan TNB 2011 (September 2010 sehingga Ogos 2011).

Kementerian sentiasa memantau dan memastikan pihak TNB mengambil langkah-langkah yang berkesan bagi meningkatkan tahap pembekalan elektrik di Daerah Manjung dan daerah-daerah lain. Dalam usaha untuk melaksanakan peningkatan infrastruktur bekalan elektrik, sokongan dan komitmen padu dari

semua pihak juga diperlukan terutama dari pihak Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan/Agenzi Kerajaan berkaitan serta pengguna-pengguna di kawasan tersebut.

.....

SOALAN NO: 198

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB NGEH KOO HAM

SOALAN :

YB Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keputusan Kerajaan untuk menyelesaikan isu percanggahan bidang kuasa mahkamah syariah dan mahkamah sivil terutamanya berkenaan dengan undang-undang keluarga apabila satu pihak beragama Islam sementara satu pihak yang lain bukan beragama Islam.

JAWAPAN: YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz

Tuan Yang di-Pertua,

Butiran 4(e) Senarai I (Senarai Persekutuan) dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan telah memberi mahkamah sivil bidang kuasa untuk mendengar permohonan tuntutan yang melibatkan perkara perkahwinan, perceraian dan undang-undang keluarga orang bukan Islam yang perkahwinan mereka diupacarkan di bawah undang-undang sivil. Sebaliknya, bidang kuasa mahkamah bagi mendengar permohonan yang

berkaitan dengan undang-undang Islam, undang-undang diri dan undang-undang kewarganegaraan Islam terletak pada mahkamah Syariah sebagaimana yang diperuntukkan dalam Butiran 1 Senarai II (Senarai Negeri), Jadual Kesembilan.

Masalah mengenai pertikaian dan perlidihan bidang kuasa mahkamah tidak seharusnya timbul memandangkan terdapatnya peruntukan undang-undang yang mencukupi untuk menentukan bidang kuasa mahkamah dalam isu-isu yang dibangkitkan itu. Namun begitu Kerajaan menyedari dan memandang serius akan segala masalah dan isu yang berbangkit dalam sesuatu perkahwinan apabila salah satu pihak kepada ikatan perkahwinan itu menukar agama. Kerajaan amat peka dengan sensitiviti kaum yang terlibat dalam pergolakan itu.

Kerajaan juga menyedari hakikat perlunya dihapuskan sama sekali perasaan buruk sangka yang merebak sehingga menjadi di luar kawalan jika masalah yang berbangkit tidak diatasi. Ke arah itu, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk mendapatkan suatu kaedah penyelesaian yang sebaik-baiknya, supaya kepentingan semua pihak diimbangi dan dilindungi sewajarnya dan tidak berlaku salah laksanaan

keadilan. Antaranya Jabatan Peguam Negara telah mengambil inisiatif dengan mengadakan perbincangan dengan tokoh-tokoh perundangan sivil dan Syariah, mufti-mufti, hakim mahkamah Syariah, pengamal undang-undang, ahli akademik dan wakil daripada agensi Kerajaan, badan berkanun, parti politik serta pertubuhan bukan Kerajaan untuk mendapatkan input.

Hasil daripada perbincangan-perbincangan itu, Jabatan Peguam Negara telah menyediakan pindaan kepada undang-undang yang berkaitan dan membentangkannya di hadapan Jemaah Menteri. Pindaan yang telah dibuat melibatkan tiga undang-undang yang berkaitan, iaitu Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164], Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303]. Ketiga-tiga Rang Undang-Undang pindaan ini juga telah dibentangkan di hadapan Majlis Raja-Raja pada 29 Jun 2009.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Ketua-ketua Hakim Syarie Negeri, Mufti-mufti, Penasihat-penasihat Undang-Undang Negeri, tokoh-tokoh

akademik perundangan baik daripada sivil atau syariah serta Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang berada di bawah Jabatan Perdana Menteri juga telah memainkan peranan dengan mengambil langkah yang proaktif dalam penggubalan Rang Undang-Undang pindaan seperti di atas yang akan membolehkan Mahkamah Syariah dan Sivil beroperasi secara seiring.

Selanjutnya, sebagaimana yang telah dititahkan oleh Majlis Raja-Raja, pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bersama-sama dengan Jabatan Peguam Negara telah pun selesai memberikan penerangan mengenai cadangan pindaan undang-undang tersebut kepada Majlis-majlis Agama Islam Negeri-Negeri, iaitu antara bulan Ogos hingga Oktober 2009.

Pada masa ini, Kerajaan sedang meneliti dan mengkaji semua maklum balas yang telah dikemukakan oleh Majlis-majlis Agama Islam Negeri-Negeri berkaitan dengan cadangan pindaan undang-undang tersebut. Kebanyakan maklum balas itu telah dikemukakan kepada pihak JAKIM pada tahun ini.

Sekian, terima kasih.

No: 199

RT 17

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: **Y.B. DATO' NGEH KOO HAM
[BERUAS]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau bersedia untuk menimbang semula permohonan SRJK (C) Bercham, Ipoh untuk membina satu cabang sekolah tersebut di atas sekeping tanah rizab sekolah di Bandar Baru, Tambun, Ipoh, Perak.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tapak yang dipohon untuk SJKC Bercham seperti yang dicadangkan telah dirancang untuk pembinaan SK Bandar Baru Tambun.

FEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SAMI BIN ABDUL HAMID

SOALAN:

Y.B. Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan setakat ini apakah kemajuan yang diperolehi berkenaan tabung renti kerja sementara dan bila iaanya akan dilaksanakan.

PR-1231-T35989

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kajian berkenaan Tabung Berhenti Kerja Sementara (*Relief Fund For Loss Of Employment*) (TBKS) yang dijalankan oleh Perunding ILO (*International Labour Organisation*) telah selesai pada Februari 2010. Pihak PERKESO sedang meneliti cadangan-cadangan dan opsyen yang dikemukakan itu dan iaanya akan dibawa untuk pertimbangan Kerajaan. Tarikh perlaksanaan akan ditentukan oleh pihak Kerajaan sekiranya iaanya dipersetujui untuk dilaksanakan.

201
SOALAN NO: 203

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

SOALAN:

Y.B. Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kadar pengangguran di negara ini dan kerangka untuk menghadapi krisis yang sama di tahun-tahun mendatang.

PR-1231-T35990

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kadar pengangguran negara pada suku keempat tahun 2009 ialah 3.5 peratus atau 395,100 orang yang dicatatkan oleh Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Krisis ekonomi global yang sedang berlaku memberi kesan kepada banyak negara. Malaysia tidak terkecuali daripada tempias krisis tersebut. Sektor-sektor yang terjejas akibat krisis ekonomi ialah sektor pembuatan khususnya subsektor elektronik, elektrik dan tekstil dan pakaian.

Dari segi tenaga kerja, Kementerian Sumber Manusia telah berjaya menanganinya melalui tindakan proaktif bagi menangani isu-isu berhubung masalah pemberhentian kerja dan pengangguran yang dihadapi pada masa itu. Kementerian Sumber Manusia

telah melaksanakan langkah-langkah berikut bagi menangani masalah menghadapi krisis ekonomi tersebut:-

i. Jawatankuasa Tripartite Pemantauan Pemberhentian Pekerja

Jawatankuasa Tripartite Pemantauan Pemberhentian Pekerja di peringkat kebangsaan yang dianggotai Kerajaan, Majikan dan pekerja bertujuan untuk memantau dan mempersus impak krisis ekonomi terutamanya terhadap pekerja yang diberhentikan ;

ii. Penubuhan Bilik Gerakan Pusat Pemantauan Pemberhentian Kerja

Ianya ditubuhkan bertujuan memantau laporan pemberhentian pekerja dan mengumpul maklumat mengenai pemberhentian pekerja ;

iii. Penubuhan 80 bilik gerakan di Pejabat Tenaga Kerja (PTK)

Ianya ditubuhkan bagi meningkatkan *accessibility* mekanisme khidmat bantuan Kerajaan dari segi laporan pemberhentian pekerja, maklumat kekosongan jawatan dan bantuan kepada pencari kerja.;

iv. Mengeluarkan Buku Garis Panduan Pengurusan Pemberhentian Pekerja

Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan kaedah-kaedah terbaik kepada majikan dalam melaksanakan pengurusan pemberhentian pekerja ;

v. Program Train & Place

Melalui program ini, pekerja yang diberhentikan akan diberi latihan kemahiran bagi memudahkan mendapatkan pekerjaan baru; dan

vi. Program Pemempatan Pekerjaan (3P)

Program ini dijalankan di setiap Pejabat Tenaga Kerja (PTK) bertujuan untuk menarik pekerja tempatan yang berminat untuk mengisi sebarang kekosongan dan keperluan industri dan memberi peluang kepada majikan yang berdaftar dalam JobsMalaysia menyertai program ini seterusnya melakukan *walk in interview* atau mendapatkan pekerja tempatan bagi menampung keperluan tenaga kerja pada masa sekarang

Tuan Yang Di Pertua,

Sekiranya berlaku krisis ekonomi di masa akan datang, Kerajaan telah bersedia menanggainya berdasarkan pengalaman di atas.

AW: 202

SJ.B/TULIS/(11)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID (KUALA LANGAT)**
PERTANYAAN : **LISAN**
TARIKH : **16.03.2010 – 15.04.2010**

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Wahid minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan majikan yang tidak membayar caruman kepada KWSP sedangkan potongan gaji dibuat sehingga bertahun-tahun sebagai contoh kes rujukan 11/9/762

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KWSP sentiasa prihatin dalam melindungi dan membela kepentingan hak pekerja dengan memastikan semua majikan menunaikan tanggungjawab mereka dengan membayar caruman KWSP untuk semua orang pekerja berkaitan upah yang diterima oleh pekerja-pekerja berkenaan dan bayaran caruman KWSP adalah selaras dengan kadar berkanun sepetimana yang terkandung dalam Jadual Ketiga, Akta KWSP 1991.

2. Setakat Januari 2010 terdapat sebanyak 463,334 majikan yang berdaftar dengan KWSP. Setiap majikan sentiasa dipantau dan sekiranya terdapat mana-mana majikan yang gagal mencarum bagi

sesuatu bulan, majikan berkenaan akan dikesan melalui Sistem Pengurusan Penguatkuasaan KWSP (Enforcement Management System) dan proses tindakan penguatkuasaan akan dimulakan terhadap majikan berkenaan.

3. Di samping itu, jika terdapat manajer-mana majikan yang mempunyai pekerja tetapi gagal berdaftar dengan KWSP, penguatkuasaan akan dibuat melalui aduan pekerja dan juga melalui aktiviti pemutihan (*screening activities*) serta pemeriksaan kawasan (*area inspection*) terhadap majikan-majikan berkenaan. Ini adalah untuk memastikan majikan yang bertanggungan untuk mencarum membayar caruman mengikut undang-undang serta mencarum untuk kesemua pekerjanya.
4. Hasil daripada tindakan penguatkuasaan ke atas majikan yang gagal mencarum, KWSP telah berjaya membuat kutipan caruman tertunggak sebanyak RM 7.043 billion (nilai kumulatif dari tahun 2005 hingga ke bulan Januari 2010). Kadar majikan gagal mencarum mencatatkan aliran yang menurun dari tahun 2005 hingga tahun 2009 dengan kadar terendah dicatatkan pada tahun 2009 iaitu 1.61% dari bilangan majikan yang berdaftar. Sepanjang tahun 2009, KWSP telah mengambil tindakan undang-undang ke atas 11,382 majikan yang gagal mencarum dan berjaya memperoleh bayaran tunggakan caruman sebanyak RM 65.67 juta melalui perintah Mahkamah. Di samping itu, Mahkamah telah mengenakan denda sebanyak RM 1.04 juta terhadap majikan-majikan berkenaan.

5. Dari tahun 2002 hingga Januari 2010, KWSP telah melaksanakan tindakan penahanan pasport terhadap 4,847 pengarah syarikat dengan melarang mereka daripada meninggalkan Malaysia sehingga mereka dapat melunaskan kesemua caruman tertunggak yang terhutang oleh syarikat mereka. Melalui proses ini, KWSP berjaya membuat kutipan sebanyak RM 34.02 juta.

6. Dalam tahun 2009, sebanyak 56,705 majikan telah dilawati melalui pemeriksaan pemutihan yang telah dijalankan di seluruh negara. Melalui aktiviti ini sebanyak 2,085 syarikat yang belum atau gagal berdaftar dengan KWSP sebagai majikan dikesan dan didaftarkan. Pada masa yang sama terdapat sejumlah 777 majikan sama ada mencarum tidak mengikut kadar berkanun atau mencarum untuk sebahagian pekerja sahaja. Taksiran caruman tertunggak berjumlah RM 4.664 juta telah dibuat dan majikan diarahkan untuk membayar amaun tersebut. Tindakan penguatkuasaan termasuk tindakan undang-undang telah diambil ke atas majikan dan pengarah-pengarah syarikat serta pemilik perniagaan yang berkenaan bagi memastikan mereka mencarum kesemua pekerja mengikut undang-undang.

7. Bagaimanapun pengkreditan caruman KWSP ke dalam akaun pekerja hanya akan dibuat selepas penyelesaian bayaran caruman tertunggak berdasarkan taksiran yang dibuat. Sekiranya KWSP gagal mendapatkan kembali caruman yang tertunggak daripada majikan melalui proses penguatkuasaan dan undang-undang dan jika didapati ada bukti bahawa potongan upah pekerja telah dibuat oleh majikan,

KWSP negara! penturukan sekayen di(3) Akta KWSP 1991, dalam mengkredikan kesemua suman potongan upah pekerja berdasas diiden bagi pekerja-pekerja yang berlabut

NO:203

SJ.B/TULIS/(12)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID (KUALA LANGAT)**
PERTANYAAN : **LISAN**
TARIKH : **16.03.2010 – 15.04.2010**

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Wahid minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pampasan pencarum KWSP yang meninggal dunia diberi kepada ahli pencarum yang sekarang hanya RM2,500 ditambah mengikut keperluan keluarga tersebut.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim KWSP adalah bertujuan untuk menyediakan simpanan persaraan untuk digunakan oleh ahli bagi membiayai persaraan. Simpanan KWSP adalah simpanan wajib di mana individu (ahli) dan majikan mereka mencarum secara bulanan. Simpanan ini bertambah dengan dividen yang diisyiharkan setiap tahun. Apabila ahli meninggal dunia, kesemua simpanan ahli akan dibayar kepada penama/waris terdekat ahli. Selain itu, KWSP juga memberi bantuan kematian kepada waris ahli yang meninggal dunia sebanyak RM2,500.

2. Bantuan kematian sebanyak RM2,500 adalah merupakan tanda simpati KWSP yang diberikan kepada waris untuk meringankan beban kewangan yang dihadapi oleh waris/ahli keluarga dengan kematian ahli bagi membayai kos mengurus pengebumian ahli. Bantuan ini bukan bertujuan untuk membiasai keperluan hidup waris/orang tanggungan ahli yang meninggal dunia. Ini kerana bayaran bantuan ini bukannya sebahagian daripada simpanan ahli yang meninggal dunia, tetapi merupakan wang yang diambil daripada pulangan pelaburan daripada simpanan kesemua ahli KWSP. Oleh itu, jumlah bantuan ini adalah berpatutan kerana simpanan KWSP merupakan simpanan persaraan individu dan sebarang peningkatan dalam jumlah bantuan akan menjaskan bayaran dividen yang diterima oleh semua ahli KWSP. Tambahan pula, Skim KWSP adalah skim berdasarkan simpanan individu dan bukannya sosial insurans yang mengamalkan konsep perkongsian risiko (*pooling of risks*).
3. Apabila ahli meninggal dunia, kesemua simpanan/kredit ahli akan dibayar kepada penama (jika ahli membuat penamaan) dan kepada waris/pihak yang berhak (jika tiada penamaan) mengikut Surat Perintah Pembahagian, Surat Kuasa Mentadbir, Surat Probet (jika ada wasiat) atau Sijil Faraid, yang mana berkenaan.
4. Selain daripada pengeluaran kesemua simpanan ahli (si mati), waris juga layak menerima Bantuan Kematian sebanyak RM2,500 dengan syarat berikut:

- (i) pengeluaran kematian dibuat dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh kematian ahli; dan
- (ii) bantuan kematian dibayar kepada waris terdekat ahli dan tidak semestinya kepada penama. Bagaimanapun, penama boleh menerima Bantuan Kematian sekiranya penama merupakan waris terdekat ahli.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN ABDULLAH SANI BIN
SOALAN : ABDUL HAMID
[KUALA LANGAT]

TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KUALA LANGAT]
minta MENTERI KESIHATAN menyatakan kenaikan taraf Hospital
Banting yang amat diperlukan oleh penduduk seluruh daerah Kuala
Langat.

Tuan Yang Dipertua,

Hospital Banting telah dinaikkan taraf semasa Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMK-9), iaitu pembinaan *Intensive Care Unit / Critical Care Unit / High Depandancy Ward* dan membina kuarters 6D dan 16G. Projek-projek ini telahpun siap masing-masing pada 5 Disember 2008 dan 17 Ogos 2007 serta telah digunakan sepenuhnya.

Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian juga telah merancang untuk menaiktaraf beberapa kemudahan lain seperti wad, makmal, unit kecemasan dan Jabatan Radiologi. Kesemua projek berkenaan telah disenaraikan di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh. Walau bagaimanapun ianya masih tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan pihak Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri.

No : 205

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ABD RAHMAN
BIN DAHLAN
(KOTA BELUD)

TARIKH :

SOALAN : 268

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk menangani masalah maklumat dasar dan bantuan Kerajaan yang tidak sampai ke akar umbi terutamanya kepada rakyat yang buta huruf dan tinggal di pedalaman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) sentiasa berusaha memastikan setiap maklumat dasar dan bantuan dapat disalurkan kepada penduduk luar bandar.

Di antara langkah yang telah dilakukan oleh KKLW adalah dengan mewujudkan Bahagian Pembangunan dan Pemantauan di setiap negeri yang bertindak sebagai agen bagi mempercepatkan penyaluran maklumat dan bantuan di luar bandar serta bertindak sebagai *liaison* dengan Pejabat Daerah dan Pejabat Pembangunan Negeri / Jabatan Pembangunan Persekutuan.

Dalam hubungan ini, KKLW menggunakan jaringan (*networking*) dengan agensi pelaksana sedia ada seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran serta mengoptimumkan penggunaan agensi-agensi di bawah

KKLW sendiri seperti FELCRA, RISDA, KETENGAH, KESEDAR dan KEDA dalam menyampaikan segala aspek bantuan ke peringkat akar umbi. Melalui agensi-agensi pelaksana ini, KKLW juga mengadakan pertemuan dan penerangan kepada pemimpin-pemimpin tempatan seperti Pegawai Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Penghulu dan JKKK/JKKKP dari semasa ke semasa berhubung dengan segala bentuk maklumat dan bantuan daripada KKLW.

Perjumpaan dengan pegawai-pegawai daerah yang diadakan setiap tahun juga merupakan satu platform untuk menyampaikan maklumat dasar serta menerangkan program/projek Kementerian supaya tanya dapat disalurkan terus kepada kumpulan sasaran oleh pegawai-pegawai daerah yang terbabit.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai usaha untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada kumpulan sasar, Kementerian ini juga buat pertama kalinya telah memperkenal dan membuka Kaunter Khidmat Rakyat dalam usaha mendekati dan mendengar sendiri masalah rakyat di luar bandar dan

pedalaman. Kaunter ini adalah pendekatan baru Kementerian untuk berada di padang bagi menghayati masalah dan hal-ehwal rakyat yang selaras dengan gagasan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. KKLW adalah kementerian yang pertama mengendalikan kaunter ini yang melibatkan YB. Menteri dan pengurusan atasan KKLW.

Di samping itu juga, program-program berkala seperti program **KampungKu** telah dan sedang dilaksanakan sebagai usaha untuk mengetahui secara lebih dekat segala permasalahan serta memberi informasi yang terkini berkaitan dengan dasar-dasar Kerajaan kepada kumpulan sasaran.

Sebagai perluasan interaksi ICT di kawasan luar bandar pula, KKLW telah membina Medan Infodesa sebagai pemangkin untuk merapatkan jurang digital luar bandar dan bandar. Ianya memberi banyak faedah kepada komuniti setempat untuk berinteraksi serta digunakan untuk mengakses informasi terkini dengan mudah dan cepat.

AB : 206

SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEDUA BELAS

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN
[KOTA BELUD]

SOALAN : 206

Minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan apakah Kerajaan akan mewujudkan kawasan bertaraf MSC di Sabah. Kalau ya, bila akan dilaksanakan.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha memperluaskan perlaksanaan MSC Malaysia ke negeri Sabah, beberapa siri mesyuarat dan bengkel kerja telah diadakan dengan pihak Kerajaan Negeri Sabah. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi melalui agensinya, MDeC telah memberikan khidmat nasihat pakar dan berkongsi pengalaman berdasarkan model-model pembangunan MSC Malaysia yang telah dijalankan di negeri-negeri lain seperti Johor, Pulau Pinang, Melaka, Perak dan Pahang.

Bagi memudahcara permohonan MSC Malaysia Cybercentre untuk Sabah, pihak MDeC juga telah membuat saranan-saranan dari segi halatuju pembangunan industri ICT, termasuklah bidang-bidang fokus ICT, untuk pertimbangan pihak Kerajaan Negeri. Usaha-usaha merancang pembangunan MSC Malaysia Sabah telah dijalankan oleh MDeC dengan Kementerian Pembangunan Sumber dan IT Sabah, dan juga agensi-agensi negeri yang lain seperti Yayasan Sabah dan Sabah Economic Development Corporation (SEDCO).

Pihak Kerajaan Negeri Sabah kini sedang merancang permohonan, termasuklah mengenalpasti model pembangunan dan lokasi yang bersesuaian serta meneliti usaha-usaha yang diperlukan bagi memenuhi kriteria-kriteria status. Ini termasuklah usaha-usaha penyediaan pelan strategik pembangunan MSC Malaysia peringkat negeri, pembentukan mekanisma pelaksanaan dan pemantauan yang diterajui oleh Kerajaan Negeri, dan perancangan program-program sokongan untuk membangunkan industri ICT secara mampan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN:** BERTULIS**PAPARADA:** Y.B. DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN**SOALAN:**

Y.B. Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlam [Kota Belud] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan memandangkan kadar pengangguran dan aliran tunai keluar negara yang agak serius, apakah Kerajaan bercadang untuk mempromosikan kerja sebagai pembantu rumah kepada rakyat tempatan. Apakah ada skim baru untuk tujuan ini.

PR-1231-T35897

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga Julai 2009, terdapat 216,612 pembantu rumah asing yang bekerja secara sah di Malaysia. Kementerian Sumber Manusia (KSM) berhasrat untuk mengurangkan pembantu rumah asing dan menggalakkan rakyat tempatan bekerja sebagai pembantu rumah. Bagi mempromosikan rakyat tempatan untuk bekerja sebagai pembantu rumah, KSM akan membuat pindaan ke atas Akta Pekerjaan 1955 di mana beberapa terma-terma dan syarat-syarat baru telah diperkenalkan seperti kontrak pekerjaan yang seragam, pemberian hari cuti mingguan dan pembayaran gaji melalui buku akaun kepada Pembantu Rumah. Semua pindaan dibuat adalah untuk memberi perlindungan dan menjaga kebijakan Pembantu Rumah serta menjadi daya tarikan kepada rakyat tempatan.

untuk bekerja sebagai Pembantu Rumah. Selain dari itu, pindaan juga akan dibuat ke atas Akta Pampasan Pekerja 1952 dengan memasukkan tafsiran ‘Domestic Servant’ sebagai ‘Workman’ untuk memberi perlindungan insuran kemalangan sewaktu bekerja yang sebelum ini tidak dinikmati oleh Pembantu Rumah.

Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah membangunkan Standard Kemahiran Pekerjaan Nasional (NOSS) bagi menyediakan program latihan kepada para Pembantu Rumah warga tempatan di negara ini. NOSS berkaitan latihan pembantu rumah ini bertujuan untuk membuka ruang pekerjaan kepada rakyat tempatan serta menggalakkan mereka yang menganggur agar menceburkan diri atau mendalami karier mereka sebagai Pembantu Rumah yang terlatih dan profesional.

Selain itu, KSM merancang memberi pengetahuan khusus kepada pembantu rumah bagi membolehkan mereka melaksanakan pelbagai tugas domestik seperti kemahiran memasak dan mengemas rumah, bijak menggunakan peralatan elektronik dan elektrik, pandai menjaga, mengasuh dan mendidik bayi dan anak majikan serta mengurus persekolahan mereka, mahir dalam tugas menjaga warga emas termasuk mereka yang sedang uzur dan kurang upaya, mahir melakukan pelbagai tugas lain seperti membasuh pakaian selain pandai menjaga kebersihan di rumah majikan serta berkebolehan berkomunikasi dengan baik. Manakala ciri-ciri bagi aspek kemahiran pembantu rumah dari segi menghadapi situasi tidak terduga meliputi pengetahuan memberi pertolongan cemas, pengetahuan mengawal kebakaran, kemahiran mengelakkan pencerobohan kediaman selain mempunyai kemahiran seni mempertahankan diri turut diberi penekanan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAR RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN
(KOTA BELUD)

SOALAN :

Dato' Hajji Abd Rahman bin Dahlan (Kota Belud) minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah keberkesahan memansuhkan hari Sabtu sebagai hari bekerja terhadap produktiviti kakitangan Kerajaan.

JAWAPAN : (Y.B. Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz)

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan dasar Lima Hari Bekerja Seminggu di agensi Kerajaan bermula pada 1 Julai 2005 yang bertujuan untuk memantapkan produktiviti dan penyampaian perkhidmatan serta dapat mengoptimumkan masa urusan di antara jabatan di peringkat persekutuan dan negeri.

Dasar ini melibatkan penggantian masa bekerja Hari Sabtu pada hari bekerja biasa yang lain. Pelaksanaan telah mengambil kira penambahan masa sebanyak setengah jam setiap hari dalam seminggu.

Pelaksanaan dasar Lima Hari Bekerja Seminggu ini juga tidak menjelaskan produktiviti perkhidmatan tertentu terutamanya yang melibatkan perkhidmatan kaunter kerana jabatan-jabatan tersebut telah pun mengambil kira keperluan orang ramai dalam menyusun tadbir perkhidmatan yang diberikan.

Contohnya, Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Imigresen membuka kaunter pada hari Sabtu tertentu di mana kakitangannya dijadualkan bekerja secara giliran tanpa menjelaskan bilangan waktu bekerja seminggu kakitangan tersebut.

Beberapa perkhidmatan lain turut disediakan secara *on-line* di mana orang ramai tidak perlu lagi berurusan di kaunter seperti membayar cukai tanah, cukai jalan, memperbaharui lesen memandu dan sebagainya.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **BERTULIS**
DARIPADA : **Y.B. DATO' HAJI ABD RAHMAN
BIN DAHLAN**
KAWASAN : **KOTA BELUD**
NO. SOALAN : **209**

Y.B. DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan berapaakah jumlah cadangan pelaburan langsung dari luar yang ditolak oleh Kerajaan kerana ianya tidak strategik kepada ekonomi negara.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Bilangan projek dengan penyertaan pelaburan asing yang ditolak permohonan lesen pengilang di Malaysia bagi tempoh 2005 hingga 2009 adalah sebanyak 18 projek. Ia melibatkan pelaburan asing bernilai RM5.0 bilion yang merupakan 3.6

peratus daripada jumlah cadangan pelaburan asing yang diluluskan sebanyak RM139.8 billon bagi tempoh yang sama.

Secara dasarnya, bagi memperkuatkan dayasaing negara dalam menarik pelaburan langsung asing ke sektor perkilangan, Kerajaan tidak lagi menggalakkan projek-projek perkilangan yang berintensifkan buruh. Sebaliknya, Kerajaan memberi penekanan kepada projek-projek yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, berteknologi tinggi dan berintensifkan modal yang lebih strategik kepada ekonomi negara.

Selain ini, lesen pengilang juga tidak dikeluarkan bagi industri-industri sensitif termasuk yang berkaitan dengan keselamatan, sekuriti dan agama.

PEMISERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN [KULIM
BANDAR BARU]

SOALAN : YB TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN [KULIM
BANDAR BARU] minta MENTERI LUAR
NEGERI menyatakan :-

(a) apakah rasional wakil tetap Malaysia ke
Bangsa-bangsa Bersatu (IAEA) dipanggil balik
untuk Konsultasi ; dan

(b) apakah Kerajaan tidak bersetuju dengan
tindakan dan keputusan beliau dalam isu
pembinaan tenaga nuklear Iran dan apakah
Kerajaan tunduk kepada tekanan Amerika
Syarikat dan negara barat.

JAWAPAN:

Terima kasih kepada Yang Berhormat Kulim Bandar Baru di atas soalan yang dikemukakan.

2. Saya ingin maklumkan Yang Berhormat bahawa Wakil Tetap Malaysia ke Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA), Dato' Mohd. Arshad Manzoor Hussain, telah dipanggil pulang untuk mengadakan konsultasi dengan pegawai-pegawai kanan Kementerian Luar Negeri dan juga dengan Menteri Luar Negeri, bagi mendapatkan penjelasan daripada beliau akan pengundian yang telah dibuat oleh Malaysia ke atas resolusi mengenai isu nuklear Iran yang dibentangkan oleh Negara Jerman semasa Mesyuarat Lembaga Gabenor Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) pada 27 November 2009 di Vienna, Austria, dan juga untuk mendapatkan penjelasan beliau akan pendirian Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) di Vienna ketika itu mengenai isu ini.
3. Untuk makluman Yang Berhormat, tindakan memanggil pulang duta negara bagi tujuan konsultasi apabila diperlukan adalah merupakan satu amalan biasa dalam soal diplomasi antarabangsa.
4. Dalam soal pembangunan tenaga nuklear oleh Iran, Malaysia berpegang kepada prinsip bahawa semua negara termasuk Iran, mempunyai hak yang sama untuk membangunkan tenaga nuklear untuk tujuan keamanan. Pembangunan program nuklear untuk tujuan aman perlu dilaksanakan dengan penuh ketelusan dan menepati kepiawaian kawalseliaan antarabangsa (*international safeguards standards*) yang ditetapkan oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA), seperti yang

dipertanggungjawabkan ke atas semua Negara Anggota IAEA, termasuk Iran.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 211

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN
[KULIM BANDAR BARU]**

RUJUKAN : 21 [PR-1231-L36921]

SOALAN :

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN
KESEJAHTERAAN BANDAR menyatakan :**

- (a) apakah tindakan Kerajaan terhadap gejala sosial, maksiat, kegiatan pelacuran dan pondan, kewujudan pub dan bar di bangunan Selangor Mansion, Malayan Mansion termasuk di Jalan Masjid India umumnya; dan
- (b) selain daripada meletakkan kon dan menyaman/mengeluarkan kompaun, apakah langkah dicadang mengenai masalah aliran trafik dan kegiatan penjajaan haram di sekitar Jalan Melayu/Masjid India dan apakah Kerajaan bercadang memperkenalkan semula penguatkuasaan secara penundaan kenderaan di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kulim Bahagian Baru, sesebuah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mendapati sebuah premis perniagaan di alamat No. 1204, Tingkat 2, Selangor Mansion telah menjalankan aktiviti perniagaan pub tanpa lesen.

Sehubungan itu, DBKL telah mengeluarkan notis terhadap operator premis perniagaan tersebut kerana kesalahan menjalankan perniagaan pub dan restoran tanpa lesen di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Establismen Makanan (WPKL) 1985. Kesalahan di bawah undang-undang terbabit boleh dikenakan kompaun maksimum sebanyak RM2,000.

Untuk makluman, operator premis perniagaan tersebut pernah mengemukakan permohonan untuk mendapatkan lesen pada Disember 2009 tetapi telah ditolak oleh Jawatankuasa Pelesenan DBKL melalui sepucuk surat bertarikh 12 Januari 2010. Permohonan itu ditolak kerana kedudukan premis didapati berdekatan dengan masjid dan juga kerana terdapat unit-unit kediaman di bahagian atas bangunan itu.

Di samping itu, notis juga telah dikeluarkan kepada Kelab Sukan Mansion Kuala Lumpur yang beralamat **No. 1118, Tingkat 1, Selangor Mansion** kerana kesalahan **menjalankan perniagaan restoran tanpa kelulusan lesen.** Premis tersebut juga didapati menjual minuman keras.

Hanya sebuah premis hiburan sahaja di kawasan Selangor Mansion, Malayan Mansion dan di Jalan Masjid India yang dilesenkan untuk menjalankan aktiviti **hiburan muzik dan nyanyian (live band)** iaitu **Lambada Restaurant & Pub** di alamat **12A, Tingkat 1, Lorong Bonus 6, melalui Jalan Masjid India.** Premis ini telah menjalankan aktiviti perniagaannya dengan lesen dari DBKL **sejak tahun 1991.**

Dalam usaha mengatasi masalah aliran trafik di sekitar Jalan Masjid India, DBKL telah menempatkan pegawai-pegawai penguatkuasanya di kawasan itu setiap hari bagi memantau serta mengambil tindakan berterusan di lokasi yang sering berlaku kesesakan dan pelanggaran peraturan lalulintas. DBKL turut berkerjasama dengan Cawangan Trafik, Polis Diraja Malaysia dalam mengadakan operasi secara bersepada.

Mengenai aktiviti penjajaan tanpa lesen di sekitar kawasan Masjid India, pegawai-pegawai penguatkuasa DBKL telah ditempatkan untuk membuat rondaan secara berjalan kaki di kawasan-kawasan kumpuan awam. Pegawai-pegawai penguatkuasa DBKL digiliktan dalam 3 syif kerja bagi memastikan keberkesanannya berhalangnya pementauan. DBKL juga mengaturkan operasi bersepadu bukan sahaja dengan pelbagai jabatan di dalam DBKL, malah bersama dengan PDRM, Jabatan Imigresen dan Rela di dalam menangani aktiviti penjaja tanpa lesen, khasnya bukan warganegara.

Dalam hal ini, DBKL juga telah beberapa kali membuat semakan semula dan memantau secara mingguan ke atas 143 orang penjaja yang bermiaga di Jalan Melayu/Jalan Masjid India. Siasatan mendapati bahawa penjaja-penjaja warga asing merupakan penjaja-penjaja haram yang digelar "penjaja bunjut" yang menjalankan perniagaan dengan menggunakan meja lipat. Tindakan menyita barang jualan telah diambil ke atas penjaja-penjaja haram yang berjaya ditangkap.

DBKL akan mengambil tindakan membatalkan peruntukan dan lesen gerai sekiranya terdapat bukti yang sah dan lengkap terhadap penjaja di tapak penjaja Jalan Melayu/Jalan Masjid India yang menjual tapak kepada orang lain (tidak kira sama ada kepada warga tempatan mahupun warga asing).

DBKL sememangnya mengambil tindakan menunda kenderaan yang diletakkan secara tidak mengikut peraturan dan yang menghalang laluan trafik di kawasan Jalan Masjid India. Bagi mempertingkatkan keupayaan tindakan menunda, DBKL telah menambahkan bilangan kren tunda daripada 10 buah kepada 30 buah. Sepanjang 1 Januari hingga 28 Februari 2010, sebanyak **16** buah kenderaan telah ditunda disekitar kawasan Jalan Masjid India.

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUA BELAS
(2010)

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN ZULKIFLI BIN NORDIN (KULIM
BANDAR BARU)

SOALAN:

Tuan Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baru) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Apakah langkah yang diambil untuk mengadakan program mengimarahkan masjid memandangkan pembaziran ruang dan kesempatan di mana kebanyakan masjid/surau hanya digunakan pada waktu solat dan kebiasaannya kosong pada sebahagian besar waktu lain contohnya mewujudkan pusat riisyen, perpustakaan dan ruang niaga serta penginapan; dan

- b) Apakah status pembinaan Masjid Tionghua di dalam Kuala Lumpur serta cadangan pembinaan Masjid Tionghua di kawasan Penjara Pudu

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM(B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada dasarnya pentadbiran dan pengimaranan masjid dibawah bidangkuasa Kerajaan Negeri. Walau bagaimana pun, Kerajaan Persekutuan telah menyelaraskan dengan Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam / Jabatan Agama Islam dengan menyediakan pelbagai program untuk mengimarkan masjid-masjid di Malaysia. Ianya merangkumi aspek ekonomi, pendidikan dan kemasyarakatan. Contohnya seperti mewujudkan kelas pengajian Takmir Masjid dan Surau seluruh Malaysia di mana program ini telah bermula pada tahun 1986. Melalui kelas-kelas pengajian ini, ia memberi peluang kepada masyarakat Islam bagi mendekatkan diri dengan masjid sekaligus menjadikan masjid sebagai tempat pelbagai fungsi "one stop centre". Begitu juga peranan dan fungsi masjid-masjid di bawah pengurusan JAKIM, di mana pelbagai program yang telah disusun dan dijalankan untuk tujuan pengimaranan seperti mengadakan kelas-kelas tuisyen, kursus

motivasi pelajar, kurusus cenderawasih, kerjasama konservasi, majlis perkahwinan dan sebagainya. Di camping itu, bagi menjana ekonomi masjid, pelbagai prasarana telah disediakan seperti kiosk seni dan seni, kiosk ATM, kedai runcit, catering, restoran dan pelbagai lagi. Kerajaan menyedari masih terdapat masjid yang tidak menjalankan fungsi sebenar, maka ia memerlukan kebijaksanaan Ahli Jawatankuasa Masjid kerana mereka adalah pihak yang diberi amanah untuk mengimarahkan masjid.

- b) Mengenai pembinaan masjid yang bercirikan senibina Cina/Tionghua di Kuala Lumpur, Kerajaan telah bersetuju menyediakan pembinaan tapak lokasi di Jalan Davis, Kampung Pandan, Kuala Lumpur. Pada masa ini, Yayasan Bukhari bersedia membayai pembinaan masjid ini. Usaha dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Persatuan Cina Muslim Malaysia telah dibuat dalam menyediakan pelan pelaksanaan.

Sekian, terima kasih

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUA BELAS
(2010)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN

SOALAN :

Tuan Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baru) minta **PERDANA**

MENTERI menyatakan:

- a. Apakah langkah yang diambil untuk mengatasi masalah fitnah serta tohmahan yang dibawa terhadap kumpulan yang dilabelkan sebagai penganut fahaman wahabi; dan

- b. Apakah yang ditakrifkan sebagai fahaman wahabi; ciri-cirinya dan apakah pendirian Kerajaan terhadap fahaman ini dan mengapakah masih ada tindakan penguatkuasaan dan sekatan dikenakan terhadap fahaman wahabi ini.

JAWAPAN:

(Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM(B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa Kerajaan tidak terlibat dengan mana-mana kumpulan yang bersikap "melampau" berkaitan isu-isu *khilafiyah* ataupun yang melibatkan perbezaan perdapat. Oleh yang demikian, terserahlah kepada mana-mana pihak yang dilabelkan Wahabiyyah untuk memperbetulkan tanggapan masyarakat tersebut. Ini kerana tanggapan itu timbul adalah hasil daripada sikap dan tindakan daripada pihak mereka sendiri.
- (b) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Wahabi merupakan satu fahaman/aliran dominan yang diamalkan oleh ulama-ulama Haramain/Mekah yang diasaskan oleh Muhammad bin Abdul Wahab. Antara ciri-ciri fahaman ini adalah seperti berikut:
- i. menggunakan metod aqidah Salafiyyah Ibn Taimiyah;
 - ii. tidak menta'wil ayat-ayat mutasyabihat;
 - iii. menegah seseorang daripada taqlid dan mewajibkan mereka sama ada berijtihad atau ittiba'.
 - iv. sangat berkeras dalam soal bid'ah. Mereka tidak menerima pembahagian bid'ah kepada baik dan buru; dan

- v. prejudis terhadap kumpulan-kumpulan tariqat serta sesetengah amalan kerohanian dan menganggap bahawa menganut satu-satu tariqat adalah bid'ah.

Sehubungan itu, Kerajaan berpandangan bahawa isu berkaitan Wahabi ini tidak perlu diperbesarkan lagi, memandangkan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh pihak berkenaan adalah merupakan *khilaf* di kalangan ulama'. Walau bagaimanapun, isu berkaitan Wahabi ini telah beberapa kali dibincangkan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Panel Kajian Akidah JAKIM kali yang ke-14 tahun 2000 menetapkan bahawa kumpulan Wahhabiyah tidak terkeluar daripada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, namun apa yang mesti diatasi dan ditangani adalah isu-isu kontroversi yang bersangkutan dengan masalah furu'iyyah yang cuba dibangkitkan oleh mereka yang boleh menggugat perpaduan umat Islam di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

REMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : [BUKAN LISAN]

DARIPADA : Tuan Zulkifli bin Nordin
[KULIM BANDAR BARU]

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang membangunkan kawasan Bandar Bharu dengan projek berikut:

- (a) pembinaan Masjid baru di Serdang sebagai pusat pentadbiran daerah yang baru; dan
- (b) penternakan burung walit dan sarang burung dan membaikpulih dan memperelokkan kuil-kuil, tokong serta rumah peribadatan bukan Islam yang kebanyakannya sudah daif dan rosak.

JAWAPAN :

Pembinaan masjid baru di Serdang sebagai pusat pentadbiran daerah yang baru adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri untuk menentukannya.

Keputusan sama ada untuk membangunkan projek penternakan burung walit dan sarang burung adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan dan bergantung kepada terdapatnya permohonan daripada

individu atau syarikat yang berminat untuk melaksanakan projek tersebut.

Kuil-kuil, tokong serta rumah peribadatan bukan Islam yang lain adalah diuruskan oleh jawatankuasa kuil dan tokong yang berkenaan. Keputusan sama ada hendak membaikpulih atau memperelokkan rumah-rumah peribadatan tersebut adalah terletak ke atas jawatankuasa yang berkenaan.

Font: Arial (18)

Soalan No.: 215

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN MOHD NIZAR BIN
ZAKARIA
(PARIT)
TARIKH :
SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan berapa peratus yang telah dicapai daripada keseluruhan sasaran projek di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bagi infrastruktur asas luar bandar di seluruh Negara.

JAWAPAN:

Di bawah *Government Transformation Programme (GTP)* Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), KKLW telah dipertanggungjawabkan bagi menerajui pembangunan infrastruktur asas luar bandar bagi tempoh 2010 hingga 2012. Di bawah NKRA infrastruktur asas luar bandar 4 bidang tumpuan diberi keutamaan iaitu;

- i) Menghubungkan rakyat kepada pusat-pusat sosial dan ekonomi melalui pembinaan/naik taraf sepanjang 7,371km jalan perhubungan luar bandar (JALB).
- ii) Menyalurkan air bersih atau yang dirawat kepada 360,000 buah rumah melalui program Bekalan Air Luar Bandar (BALB).
- iii) Membekalkan tenaga elektrik 24 jam kepada 140,000 buah rumah di bawah program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB); dan

iv) Membina/membaik pulih sebanyak 50,000 buah rumah bagi golongan miskin dan miskin tegar di bawah Program Bantuan Rumah (PBR).

Sehingga akhir bulan Februari 2010, peratus pencapaian pelaksanaan projek NKRA di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah adalah seperti berikut:

i) Bagi projek Jalan Luar Bandar (JALB) sepanjang 85.6km(17.3%) jalan baru/dibaik pulih telah berjaya disiapkan daripada sasaran sepanjang 494.93km dalam tempoh 2010. Daripada sepanjang 85.6 km jalan yang telah siap dibina/baik pulih ini 45.1km ialah di Semenanjung Malaysia, 35.3km di Sabah dan 5.2km di Sarawak.

ii) Bagi projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) sebanyak 110 buah rumah(0.4%) telah disambungkan dengan bekalan elektrik 24jam daripada sasaran sebanyak 25,312 buah rumah dalam tempoh 2010. Daripada 110 buah rumah tersebut, 52 buah ialah di

Semenanjung Malaysia, 49 buah di Sabah dan 9 buah rumah ialah di Sarawak.

- iii) Bagi projek Program Bantuan Rumah (PBR) pula sebanyak 2,000 unit rumah(10.11%) sedang di dalam peringkat awal perancangan baik pulih daripada sasaran sebanyak 16,626 buah rumah dalam tempoh 2010 di seluruh Malaysia. Kesemua 2,000 buah rumah tersebut ialah sebanyak 262 unit rumah di Sabah dan sebanyak 1,738 unit rumah di Sarawak.
- iv) Bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) pula, sebanyak 11 buah loji rawatan air masih di dalam proses pembinaan. Loji rawatan air pertama yang akan siap ialah Loji Rawatan Air Sukau, Sabah yang dijangka siap pada bulan Jun 2010. Adalah dijangkakan sebanyak 70,181 buah rumah akan dihubungkan kemudahan bekalan air pada akhir tahun 2010.

Walaupun peratus pencapaian sehingga Februari ini masih kecil, namun berdasarkan prestasi Kementerian pada

tahun-tahun lepas, KKLW percaya peratus pencapaian ini akan meningkat daripada semasa ke semasa.

SOALAN NO. (217)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA
(PARIT)**

SOALAN :

Y.B. TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA (PARIT) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan setakat mana rakyat berpendapatan rendah memanfaatkan sepenuhnya Program Perumahan Rakyat (PPR) bagi membeli rumah selaras dasar Kerajaan meningkatkan kadar pemilikan rumah dikalangan golongan miskin.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan keputusan Kerajaan membenarkan semua Program Perumahan Rakyat (PPR) Disewa di seluruh negara boleh dijual, adalah dianggarkan lebih daripada 74,602 rakyat berpendapatan rendah akan mendapat manfaat daripada program ini dan program ini akan diteruskan dalam RMK-10.

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA
[PARTIT]
SOALAN : 816

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Partit] minta PERMATA MENTERI menyatakan apakah Kerajaan bercadang menamatkan skim perkhidmatan kontrak di kalangan penjawat awam sebaliknya mereka perlu diserapkan ke jawatan tetap selaras dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP).

JAWAPAN:

Terdapat beberapa kaedah pelantikan bagi pengambilan tenaga kerja sementara dalam perkhidmatan awam seperti pelantikan secara kontrak, sambilan dan Pekerja Khidmat Singkat (PKS). Pengambilan mereka adalah berdasarkan kepada keperluan perkhidmatan sesuatu agensi, jenis tugas yang bersifat ad-hoc, bermusim dan projek. Antara rasional kerajaan membenarkan pelantikan secara kontrak adalah:

- i. tempoh perkhidmatan yang diperlukan adalah terhad atau atas tempoh sehingga projek disiapkan;
- ii. jawatan tersebut tidak sesuai diisi melalui pelantikan secara tetap seperti skim perkhidmatan artis budaya;

- iii. bentuk tugas yang hendak dilaksanakan lebih sesuai dijalankan oleh pegawai kontrak seperti Pegawai Perubatan bukan warganegara; dan
- iv. sebagai proses penilaian dan tapisan sebelum pelantikan tetap dibuat.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa menggalakkan pegawai kontrak / sementara mengambil daya usaha untuk memohon jawatan tetap bersesuaian dengan kelayakan akademik yang dimiliki. Pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang diperoleh semasa berkhidmat dalam perkhidmatan kontrak, sementara atau sambilan merupakan suatu kelebihan yang boleh digunakan oleh mereka terutamanya dalam urusan tapisan pengambilan bagi tujuan pelantikan tetap, berbanding dengan calon-calon lain yang tidak pernah berkhidmat dengan Kerajaan.

Sehingga 31 Disember 2009, jumlah pegawai lantikan kontrak dalam perkhidmatan awam yang mana perjanjian kontrak mereka masih lagi berkuat kuasa adalah seramai 33,827 orang. Jumlah ini melibatkan pelbagai skim perkhidmatan antaranya Pegawai Perubatan, Pensyarah Universiti, Jurutera, Pegawai Penyelidik, Pelukis Pelan, Arkitek, Pegawai Tadbir dan Diplomatik, Jururawat, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma dan Pembantu Penerangan.

NO. ALIM : 221 219

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA [PARIT]
TARIKH :
RUJUKAN : 2521

SOALAN:

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah anak pendatang asing yang menjadi Warganegara Malaysia sejak tahun 2000 dan senaraikan anak yang dilahirkan itu mengikut negara masing-masing.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Anak-anak yang dilahirkan di Malaysia kepada pendatang asing tidak layak mendapat taraf kewarganegaraan Malaysia kerana ibu dan bapanya adalah bertaraf warga asing atau dengan kata lain mereka bukan merupakan warganegara Malaysia. Oleh yang demikian, Kementerian Dalam Negeri tidak mempunyai rekod anak yang dilahirkan itu mengikut negara masing-masing.

Dalam perkara ini, sukalah dinyatakan bahawa taraf kewarganegaraan bagi kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia adalah ditentukan berdasarkan kepada taraf kewarganegaraan dan status perkahwinan ibu dan bapanya semasa kelahiran berlaku. Ini dijelaskan di bawah Seksyen 1(a) Bahagian 2 Jadual Kedua bagi Perkara 14(1)(b) Perlembagaan Persekutuan di mana sekurang-kurangnya ibu atau bapanya adalah seorang warganegara Malaysia atau Penduduk Tetap.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAH CHUA TIAN CHANG
[BATU]

SOALAN :

Minta PERDANA MENTERI menyatakan projek-projek yang telah dilaksanakan dan belum dilaksanakan dibawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) serta jumlah nilai setiap projek bagi kawasan Parlimen Batu.

JAWAPAN :

Sehingga 18 Mac 2010, rekod yang diambil dari Sistem Pemantauan Projek II (SPP II), sebanyak 85 projek yang telah dilaksanakan manakala 1 projek belum dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) bagi kawasan Parlimen Batu, Wilayah Persekutuan. Jumlah nilai setiap projek bagi kawasan Parlimen Batu yang telah dilaksanakan adalah seperti di Lampiran I manakala jumlah nilai setiap projek yang belum dilaksanakan adalah seperti di Lampiran II.

SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN TELAH DILAKUKAN BAGI PARLIMEN BATU, WILAYAH PERSEKUTUAN

KEMENTERIAN	NAMA PROJEK	SILING PROJEK
JPM	KOMPLEKS MAHKAMAH KUALA LUMPUR	145,500,000.00
JPM	PENGkomputeran MAHKAMAH	124,521,000.00
JPM	MENAIKTARAF ICT MAHKAMAH SYARIAH	3,500,000.00
JPM	PEMBINAAN MASJID TAMAN SENTOSA JALAN KELANG LAMA	3,976,550.00
JPM	MEMBINA MASJID TAMAN WILAYAH SELAYANG KUALA LUMPUR	500,000.00
JPM	PEMBINAAN SEKOLAH RENDAH AGAMA PADANG BALANG KUALA LUMPUR	1,198,800.00
KWPKB	MEMPERTINGKATKAN JALAN KAMPUNG BATU MUDA	4,300,000.00
KWPKB	JLN KELUAR/MASUK KE TAMAN KOPERASI POLIS DARI JLN SENTUL	1,022,100.00
KWPKB	MEMBINA JALAN 9/48 DAN JAMBATAN MENYEBERANG SUNGAI GOMBAK DARI BANDAR BARU SENTUL KE JALAN PAHANG	2,096,560.00
KWPKB	PERSIMPANGAN BERTINGKAT KE PASAR BORONG KUALA LUMPUR DARI LEBUHRAYA PERSEKUTUAN 1	49,108,310.00
KWPKB	MEMBINA JEJAMBAT BAGI MENYAMBUNGKAN JLN MAHAMERU KE JLN SENTUL	59,535,000.00
KWPKB	PUTUS KOMUNITI DI ATAS LOT 39635 JALAN 1/12 KAMPUNG BATU MUDA	5,000,000.00
KPPT	PEMBANGUNAN PIAWAIAN PENGURUSAN LANDSKAP – MANUAL PENYELENGGARAAN POKOK TEDUHAN (PEMANGKASAN)	50,000.00
KPPT	PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT BERSEPADU PEKAN BATU, JALAN IPOH	208,588.87
KPPT	PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT BERSEPADU KG BATU MUDA	151,241,158.42
KBS	GELANGGANG RAKYAT KBS - BATU	300,000.00
KPM	SK SENTUL UTAMA	100,000.00
KPM	SK SENTUL 2	50,000.00
KPM	SK SERI NILAM	50,000.00
KPM	SK LA SALLE SENTUL 2 (M)	50,000.00
KPM	SK TAMAN KOPERASI POLIS	50,000.00
KPM	SK (1) BATU 4 JLN IPOH	50,000.00
KPM	SK LA SALLE SENTUL (1)	50,000.00
KPM	SK SENTUL 1	50,000.00
KPM	SK SRI DHANDAYUTHAPANI	50,000.00
KPM	SK SENTUL 1	50,000.00
KPM	SK CONVENT SENTUL 2 (M)	50,000.00
KPM	SK (2) BATU 4, JALAN IPOH	50,000.00
KPM	SK CONVENT SENTUL 1 (M)	50,000.00
KPM	SK (P) JALAN BATU	50,000.00
KPM	SK (L) JALAN BATU	50,000.00
KPM	SK TAMAN KOPERASI POLIS	175,000.00
KPM	SK SERI NILAM	60,000.00
KPM	SK (1) BATU 4 JLN IPOH	90,000.00
KPM	SJK(C) SENTUL	180,000.00
KPM	SMK BANDAR BARU SENTUL	60,000.00
KPM	SMK BATU 5	60,000.00
KPM	SM SAINS SERI PUTERI, KUALA LUMPUR	185,000.00
KPM	SK BT.4(1) JALAN IPOH	120,000.00
KPM	SK SERI NILAM	80,000.00
KPM	SJK (T) SENTUL	80,000.00
KPM	SK SENTUL UTAMA	80,000.00
KPM	SK PPR BATU MUDA	80,000.00
KPM	SK BANDAR BARU SENTUL	4,890,592.96
KPM	SK KAMPUNG BATU	2,983,766.97
KPM	SJK (TAMIL) SENTUL	3,870,528.00
KPM	SK BATU PERMAI (PROJEK PENSWASTAAN TERBENGKALAI)	4,606,000.00
KPM	SK SENTUL UTAMA	1,122,805.20
KPM	SMK SENTUL UTAMA	16,202,784.00
KPM	SMK MAXWELL	7,822,812.40
KPM	SMK RAJA ALI	4,601,344.45
KPM	SMK BT 5 JALAN IPOH	5,150,730.20
KPM	SM SENTUL TOWNSHIP (BARU)	19,887.00
KPM	SJK (T) SENTUL	191,311.00
KPM	SK TAMAN KOPERASI POLIS	70,000.00
KPM	SK KG BATU	91,311.00
KPM	SMK BATU MUDA	202,793.41
KPM	SMK BT 5 JALAN IPOH	252,793.41
KPM	SMK BANDAR BARU SENTUL	302,793.41
KPM	SMK MAXWELL	302,793.41
KDN	PEMBAIKAN & UBAHSUAI TEMPAT TAHANAN POLIS JLN IPOH K.L	650,000.00
KPKK	MEMORIAL TUN HUSSIEN ONN	1,097,200.00
KPKK	PUSAT PENDOKUMENTASIAN DAN PEMULIHARAAN BAHAN-BAHAN PANDANG DENGAR NEGARA	32,550,000.00
NRE	RTB SG. GOMBAK / SG.BATU	13,600,000.00
NRE	KOMPONEN PROJEK ADB	5,000,000.00
NRE	PROJEK MENGATASI BANJIR DI KUALA LUMPUR PAKEJ B (BATU/JINJANG)	37,000,000.00
NRE	BAYARAN BALIK DEFERRED PAYMENT-BATU/JINJANG	444,300,000.00
NRE	PENAKSIRAN NILAI-NILAI KELUARAN BARANGAN DAN PERKHIDMATAN SUMBER HUTAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA	1,450,000.00
NRE	PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA DI SEKTOR PERHUTANAN	400,000.00
NRE	PENGEMBANGAN MAKLUMAT PERHUTANAN - Peningkatan dan Sebaran Maklumat Perhutanan	1,250,000.00
NRE	PENGEMBANGAN MAKLUMAT PERHUTANAN - Penyediaan Kemudahan	250,000.00
NRE	IT DAN K- PERHUTANAN - Pembangunan MIS	1,600,000.00
NRE	IT DAN K- PERHUTANAN - Pembangunan GIS	1,300,000.00
NRE	IT DAN K- PERHUTANAN - Pembangunan K-Perhutanan	100,000.00
NRE	IT DAN K-PERHUTANAN FASA II - Pembangunan MIS	1,980,000.00
NRE	IT DAN K-PERHUTANAN FASA II - Pembangunan GIS	720,000.00
NRE	MENAIKTARAF UBAHSUAI FACADE DAN KEMUDAHAN DI IBU PEJABAT PERHUTANAN	5,000.00
NRE	PEMBINAAN BLOK TAMBAHAN RUANG PEJABAT DAN TEMPAT LETAK KERETA	
NRE	BERTINGKAT DI IBU PEJABAT PERHUTANAN	14,500,000.00
KKLW	TAMAN BIMBINGAN KANAK-KANAK BATU	147,000.00

KEMENTERIAN MARA	NAWA PROJEK	SUMBER DANA
KKLW	KOMPLEKS TAMAN BIMBINGAN KANAK-KANAK BATU	500,000.00
KKLW	PUSAT PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK BATU	335,000.00
KKLW	PUSAT KEGIATAN MASYARAKAT W. PERSEKUTUAN	4,100,000.00
KKLW	PROGRAM E-LEARNING MARA	1,200,000.00
KKLW	PERPUSTAKAAN DIGITAL MARA	3,000,000.00
KKLW	UNIT BESTARI MRSM	10,000,000.00

SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN BELUM DILAKSANAKAN BAGI PARLIMEN BATU, WILAYAH PERSEKUTUAN

KEMENTERIAN	NAMA PROJEK	SILING PROJEK
KPM	SJK (C) LA SALLE, SRI PETALING, KUALA LUMPUR	3,000,000.00

NO. SOALAN: 221

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUA BELAS
(2010)

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE

SOALAN :

Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menggantikan Sekolah Rendah Agama (SRA) Hidatul Mustaqimah, Kepong yang belajar dalam kabin; dan
- (b) bilakah Kerajaan akan melaksanakan projek ini dan manakah lokasi SRA yang akan dibina.

**JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR
BIN HAJI BAHAROM(B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Sekolah Rendah Agama Hidayatul Mustaqimah runtuh akibat daripada runtuhan tanah yang berlaku pada 13 April 2006. Sehubungan itu Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dalam mesyuaratnya pada 5 Mac 2010 telah meluluskan peruntukan sebanyak RM2.7 juta bagi membina semula bangunan baharu sekolah tersebut. Pembinaan ini merangkumi 24 buah bilik darjah daripada 2 blok bangunan berserta kemudahan dan ruang sokongan yang boleh memuatkan 960 orang. Tapak baharu ini terletak di kawasan berhampiran tapak lama dan dijangka bebas daripada tanah jerlus dan lebih selamat. Tapak lama adalah hakmilik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur manakala tapak baru hakmilik MAIWP.

(b) Projek ini akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat dan dijangka tender akan dikeluarkan pada bulan Ogos 2010 . Lokasi projek ialah di lot 53373 HSM-115 987 PT 25316 dengan keluasan 120,673 kaki persegi bersamaan 2.99 ekar Taman Beiringin Jintang Utara, Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.

No: 222

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B TUAN CHUA TIAN CHANG
(BATU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :-

- (a) sama ada Kerajaan telah menandatangani *Letter of Acceptance (LOA) Eurocopter Malaysia Sdn. Bhd.* bagi memperolehi *Eurocopter EC 725* dan berapakah jumlah nilai kontrak ini; dan**
- (b) sama ada Kerajaan telah membuat keputusan ke atas program penggantian *MIG-29N* kepada *BAE Systems* atau *Rosoboronexport* dan apakah syarat-syarat dalam perjanjian tersebut.**

JAWAPAN:

Kerajaan telah mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada *Eurocopter, Aéroport International Marseille Provence, France* pada 3 Mac 2010 dengan kos sebanyak €326,657,857.00 bersamaan dengan RM1,547,938,287.55 (kadar pertukaran Bank Negara Mac 2010; €1 = RM4.7235) bagi perolehan membekal dan menghantar dua belas (12) buah helikopter utiliti berkemampuan *search and rescue (SAR)* berserta *spares, tools, test equipment, publication, training and services* untuk Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Kerajaan tidak pernah membuat keputusan ke atas program penggantian MiG-29N dengan mengkhususkan kepada *BAE Systems* atau *Rosoboronexport*. Kerajaan telah membuat keputusan bahawa bagi menjamin kemampuan TUDM, sebanyak 10 pesawat MiG-29 sedia ada akan dikenalkan operasinya untuk tempoh sekurang-kurangnya lima (5) tahun lagi. Selenggaraan pesawat dan alat ganti akan menggunakan saluran kontrak semasa melalui industri penyelenggaraan tempatan.

No: 223

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B TUAN CHUA TIAN CHANG
(BATU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan:-

- (a) apakah jenis perkhidmatan *integrated service and support contract* yang ditawarkan kepada *Boustead DCNS Navel Corporation Sdn. Bhd.* yang bernilai RM187.8 juta dan bagaimanakah Kerajaan membiayai kos tersebut; dan
- (b) adakah *DCNS France* menawarkan berjumlah Euro 6 juta selama tempoh 3 tahun kepada syarikat tersebut.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, kontrak *In-Service Support* merupakan kontrak perkhidmatan senjataan untuk Kapal Selam Scorpene TLDW. Kontrak tersebut dicadangkan dengan syarikat *Boustead DCNS Naval Corporation Sdn. Bhd.* yang merupakan syarikat usahasama antara syarikat tempatan iaitu *BHIC Defence Technologies Sdn. Bhd.* dan syarikat dari Perancis iaitu *DCNS S.A.* Kementerian Pertahanan kini masih dalam peringkat perundingan skop kerja dan harga bagi kontrak terbabit. Nilai kontrak akan ditetapkan setelah rundingan skop kerja dan harga diselesaikan.

Berhubung dakwaan Yang Berhormat bahawa DCNS menawarkan Euro 6 juta kepada syarikat *Boustead DCNS Naval Corporation Sdn. Bhd.*, Kementerian ini ingin memaklumkan bahawa, Kementerian ini tidak mengetahui sama ada DCNS ada menawarkan Euro 6 juta kepada syarikat *Boustead DCNS Naval Corporation Sdn. Bhd.*

NO. SOALAN: 224

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUA BELAS
(2010)**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
**DARIPADA : Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan
Abdullah [Kota Bharu]**

SOALAN:

YB Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan Ahli Parlimen yang telah menunaikan fardhu haji ke Mekah setiap musim haji dalam tempoh 10 tahun berakhir.

JAWAPAN : (YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri)

Tuan Yang di-Pertua,

TH tidak dapat memastikan bilangan sebenar Ahli Parlimen yang telah menunaikan fardhu haji ke Makkah setiap musim haji dalam tempoh 10 tahun berakhir. Ini adalah kerana Ahli Parlimen bukanlah dikira sebagai satu kategori tersendiri dalam rekod jemaah haji tahunan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN: 225

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUA BELAS
(2010)**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan
Abdullah [Kota Bharu]**

SOALAN :

YB Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]
minta PERDANA MENTERI menyatakan jenis-jenis pakej haji yang
disediakan oleh Tabung Haji Travel & Services untuk jemaah haji bagi
tahun 2009 dan berapakah harga yang dikenakan.

**JAWAPA : (YB Mejah Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Bin Haji Bahrom
(B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri)**

Tuan Yang di-permaisuri,

Bagi musim haji 1430H (2009), terdapat 3 kategori pakej iaitu Ekonomi,
Sederhana dan Istimewa yang disediakan oleh Tabung Haji Travel &
Services Sdn. Bhd. (THTS). Pakej tersebut dengan harga masing-
masing adalah seperti berikut:

PAKEJ	PAKEJ	HOTEL			KHEMAH DI MINA	JUM. JEMAAH DLM BILIK	HARGA (RM) 1430H
		MAKKAH	MADINAH	JEDDAH			
Ekonomi	DELIMA	Sevilla Barakat (650m)	Movenpick	Jeddah Plaza	Muaissim	5-6	19,990
						3-4	21,990
Sederhana	FAIRUZ	Firdous Tower (250m)	Movenpick	Jeddah Plaza	Mualssim	5-6	22,890
						3-4	25,390
						2	29,890
	FIRDAUS	Firdous Palace (200m)	Movenpick	Jeddah Plaza	Muaissim	5-6	23,890
						3-4	26,890
	AQIQ	Ali Marwa (220m)	Movenpick	Red Sea	Muaissim	2	29,990
						2	31,990
						2	33,990
	NILAM	Durrat (200m)	Movenpick	Red Sea	Muaissim	5-6	23,990
						3-4	26,990
						2	30,490
Istimewa	ZAMRUD	Zam-Zam GS (30m)	Oberoi (20m)	Movenpick	Mina Jamrah	3	59,990
						2	64,990
	ALMAAS	Dar-Tawhid Inter Continental	Oberoi (20m)	Rosewood	Mina Jamrah	3	109,990
						2	119,990

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUA BELAS
(2010)**

SOALAN : 9

YB Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]
minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah bilangan (quota)
jemaah haji Malaysia bagi tahun 2009 yang diperuntukkan oleh Kerajaan
Arab Saudi kepada Malaysia dan berapakah bilangan sebenar rakyat
Malaysia yang telah menuaihkan Ibadat haji bagi tahun 2009.

JAWAPAN: (YB Mejah Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuota rasmi jemaah haji adalah seperti yang telah disepakati di peringkat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) untuk semua negara adalah 0.1% daripada jumlah penduduk sesebuah negara. Oleh itu, bilangan kuota rasmi jemaah haji Malaysia yang diperuntukkan oleh Kerajaan Arab Saudi adalah 0.1% daripada jumlah penduduk Malaysia, atau 26,000 jemaah bagi 26 juta rakyat

Malaysia, iaitu perangkaan rasmi yang diterima oleh pihak Arab Saudi melalui rekod di Bangsa-Bangsa Bersatu.

Walau bagaimana pun, **TH** maklum akan perangkaan terkini penduduk Malaysia iaitu 28 juta. Sehubungan itu **TH** telah meminta pihak Wisma Putra mendaftarkan perangkaan terbaru ini dengan Bangsa-Bangsa Bersatu dan berharap agar kuota rasmi bagi jemaah haji Malaysia akan bertambah kepada 28,000 orang.

Sekian, terima kasih.

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUA BELAS
(2010)

PIRTANYAAN

BUKAN JAWAPAN LISAN

DARIPADA

Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]

SOALAN :

YB Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah benar Kerajaan Arab Saudi juga memperuntukkan visa bekerja atau visa pekerja kepada Tabung Haji bagi membolehkannya menghantar stafnya berkhidmat kepada jemaah haji Malaysia di Mekah dan Madinah. Kalau benar, berapakah visa sedemikian diperuntukkan kepada Tabung Haji.

JAWAPAN : (YB Mejah Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Operdana Menteri)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Visa yang diberi kepada Tabung Haji (TH) sebagai badan yang membentuk Rombongan Haji Malaysia ialah Visa Petugas (Beksah). Visa ini adalah untuk kegunaan petugas-petugas haji yang terdiri daripada petugas kebajikan dan petugas perubatan. Bagi musim haji 1430H sebanyak 600 visa berkenaan telah diperuntukkan kepada TH dan telah digunakan kesemuanya. Visa ini adalah berasingan daripada visa untuk Jemaah Haji Malaysia yang ditetapkan pada kouta rasmi 26,000 orang.

Sekian, terima kasih.

SOALAN: 228

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUA BELAS
(2010)**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]

SOALAN :

YB Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai penuh Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji bagi tahun 2009 dan apakah keistimewaan-keistimewaan yang diberikan kepada mereka.

JAWAPAN: (YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri)

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah Ahli Lembaga Tabung Haji bagi tahun 2009 adalah seramai 10 orang. Senarai penuh Ahli Lembaga Pengarah adalah seperti di Lampiran A. Ahli Lembaga Pengarah juga mendapat keistimewaan menyertai rombongan haji selain elaun pengarah selaku Ahli

Lembaga Pengarah Lembaga Tabung Haji. Keisytihewatan menyertai rombongan haji adalah seperti berikut:

- (i) Untuk Jawatan Pengurus
Pengurusi layak menyertai rombongan haji pada setiap tahun dan tawaran menyertai rombongan haji tersebut boleh ditukar kepada tawaran menunaikan umrah.
- (ii) Untuk Ahli Lembaga Pengarah
Ahli Lembaga Pengarah layak menyertai rombongan haji pada setiap 2 tahun sekali dan tawaran menyertai rombongan haji tersebut boleh ditukar kepada tawaran menunaikan umrah.

Sekian, terima kasih.

LAMPIRAN A

SENARAI JEMAAH LEMBAGA PENGARAH
LEMBAGA TABUNG HAJI
TAHUN 2009

BIL	NAMA
1	Y. Bhg. Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari bin Mohamed Nor
2	Y. Bhg. Datuk Ismee bin Ismail
3	Y. Bhg. Dato' Zainol bin Othman
4	Y. Bhg. Datuk Latifah binti Datuk Abu Mansor
5	Y. Bhg. Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias
6	Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor bin Haji Husin
7	Y. Bhg. Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amirulddin
8	Y. Bhg. Dato' Mohamad Norza bin Haji Zakaria
9	Y. Bhg. Dr. Haji Zaiyadi bin Haji Awang Noh
10	Y. Bhg. Dato' Abdul Halim bin Said

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR
[KETEREH]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**PERTANYAAN BERTULIS**

Y.B. TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR [KETEREH] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah sistem pendidikan negara kita dilihat lebih berlumba-lumba untuk mendapat prestij dengan menjadi institusi terbaik dari segi pencapaian akademik.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah yang dilakukan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memperkenalkan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) seperti yang digariskan dalam salah satu daripada sub Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), merupakan usaha KPM dalam melaksanakan transformasi dan penambahbaikan dari semasa ke semasa untuk menjamin kualiti pendidikan negara berada pada tahap yang tinggi. KPM mensasarkan 100 buah SBT dapat diwujudkan menjelang tahun 2012. Sehubungan itu, KPM telah membuat perancangan untuk memilih sekolah di negara ini secara berperingkat-peringkat iaitu dimulai dengan 20 buah untuk tahun ini, manakala 30 buah lagi akan dipilih pada tahun 2011 dan selebihnya, iaitu 50 buah pada 2012.

SBT merupakan pengiktirafan yang diberikan kepada sekolah-sekolah yang telah menunjukkan kecemerlangan secara berterusan dan mengekalkan kecemerlangan daripada pelbagai aspek sejak sekian lama. Langkah KPM memperkenalkan SBT ini adalah untuk mengangkat tahap kualiti pendidikan negara ke tahap yang paling tinggi sehingga ke peringkat global. Kewujudannya juga sebagai penanda aras yang menjadi pengukuran bagi sekolah-sekolah lain di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui pengiktirafan SBT ini, sekolah-sekolah tersebut akan menikmati pelaksanaan program latihan dan pembangunan profesionalisme guru dan pemimpin, pemberian autonomi kepada pihak sekolah untuk melaksanakan kurikulum dan pengurusan kakitangan yang luwes, penyediaan ganjaran berteraskan prestasi sekolah, guru-guru serta kakitangan dan pelaksanaan program bimbingan kepada sekolah lain. Semua sekolah berpeluang dan layak diiktirafkan sebagai SBT. Namun demikian, bagi sekolah-sekolah yang belum mencapai tahap tersebut, KPM akan memperkenalkan *School Improvement Programme* (SIP) bagi membantu sekolah-sekolah melonjakkan prestasi pencapaian masing-masing. SIP yang diperkenalkan ini mengandungi dua perkara utama iaitu:

- a) Toolkit Pembangunan Prestasi Sekolah (*School Improvement ToolKit*) (SIT) bagi menganalisis kekuatan dan kekurangan sesebuah sekolah berdasarkan 4 elemen utama iaitu kepimpinan, guru, murid dan ibu bapa serta infrastruktur;
- b) Pelan Pembangunan Prestasi Sekolah (*School Improvement Plan*).

Hasil daripada analisis SIT, setiap sekolah akan merangka dan merancang Pelan Pembangunan Prestasi Sekolah masing-masing. Pelan Pembangunan yang telah dirangka akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Program Pembangunan Prestasi Sekolah yang berpusat di Kementerian untuk dianalisa bagi menentukan pelan terbaik untuk sekolah. Program ini akan mula dilaksanakan oleh semua sekolah mulai penghujung bulan ini.

Program pembangunan prestasi sekolah ini bukan perkara baru, tetapi yang baru di sini adalah pendekatan *bottom-up* bagi meningkatkan prestasi sekolah tersebut serta sistem pemantauan yang lebih sistematik kerana ia merupakan inisiatif baru dalam NKRA Pendidikan. Justeru, semua pelaksanaan dan prestasi program ini akan dipantau melalui Sistem Pemantauan Program, yang mana laporan mingguan dan

bulanan mengenai prestasi program akan dikemukakan kepada pihak PEMANDU untuk dipantau.

Berdasarkan kepada ranking Sekolah Rendah yang ada sekarang, didapati bahawa kebanyakannya sekolah yang berada di kawasan luar bandar dan pedalaman berada dalam kelompok Sekolah Berprestasi Rendah. Oleh yang demikian, Pelan Pembangunan Prestasi Sekolah ini akan memberi tumpuan khusus kepada sekolah-sekolah berkemasukan mulai tahun ini yang bertujuan untuk membantu dan memastikan sekolah-sekolah berkemasukan dapat melonjakkan prestasi mereka ke tahap yang lebih baik.

Di samping itu, KPM juga turut menitikberatkan teras merapatkan jurang pendidikan di bandar dan luar bandar. Strategi yang dikenalpasti ke arah merapatkan jurang berkaitan termasuklah membangunkan infrastruktur dan kemudahan pendidikan luar bandar, meningkatkan bilangan guru terlatih dan mengikut opsyen di kawasan pedalaman serta menambah baik sistem pengagihan bantuan kepada murid miskin, berkeperluan khas dan kumpulan minoriti.

SOALAN NO. 230

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR
(PKR) (KETEREH)**

TARIKH : 16 MAC 2010 (ISNIN)

SOALAN :

YB Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir (PKR) (Ketereh) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan berapa lamakah jangkamasa yang sepatutnya diambil bagi meluluskan satu-satu permohonan bantuan kebajikan. Apakah kriteria asas bagi anak yatim dan orang kurang upaya untuk mendapat bantuan.

JAWAPAN:

Permohonan bantuan kebajikan yang diterima oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sehingga dinakumkan keputusan kepada permohonan ialah di dalam tempoh 1 bulan dari tarikh permohonan diterima. Syarat-syarat asas yang dipertimbangkan kepada semua permohonan bantuan kebajikan termasuklah anak yatim dan OKU adalah seperti berikut:

- a) Pemohon hendaklah warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia;
- b) Pendapatan keluarga tidak melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan semasa iaitu :
 - i. RM720 sebulan bagi Semenanjung Malaysia;
 - ii. RM830 sebulan bagi Sarawak; dan
 - iii. RM960 sebulan bagi Sabah.

Semua permohonan akan dijalankan siasatan di rumah atau di lapangan bagi mengesahkan kelayakan berdasarkan keadaan sosioekonomi pemohon yang tidak berkemampuan dan berkeperluan. Faktor-faktor yang diberikan perhatian meliputi bilangan tanggungan dalam keluarga,

sokongan dari ahli keluarga, keadaan tempat tinggal dan lain-lain yang berkaitan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

KARIPADA : TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR
(KETEREH)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 16.03.2010 - 16.04.2010

Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir (Ketereh) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan secara terperinci jumlah cukai langsung dan tidak langsung yang dikutip oleh semua agensi dan jabatan Kerajaan pusat dari negeri Kelantan bagi setiap tahun semenjak tahun 2005.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan cukai langsung dan cukai tidak langsung bagi Negeri Kelantan dari tahun 2005 sehingga 2009 masing-masing adalah sebanyak RM885 juta dan RM169 juta. Statistik kutipan cukai langsung dan cukai tidak langsung adalah seperti berikut:

Jenis Cukai	2005 (RM juta)	2006 (RM juta)	2007 (RM juta)	2008 (RM juta)	2009 (RM juta)
Cukai Langsung	150	147	151	214	223
Cukai Tidak Langsung	37	35	29	26	42
Jumlah	187	182	180	240	265

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR
[KETEREH]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR [KETEREH] minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jangkaan implikasi kewangan yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan kesan daripada langkah pengambilan guru Bahasa Inggeris dari luar negara. Bukankah lebih jimat jika Kerajaan mengambil pakar dari luar negara melatih tenaga tempatan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan bagi mendapatkan khidmat pakar dari luar negara adalah bagi membantu meningkatkan kepasiti guru di kawasan yang amat memerlukan, di mana pencapaian Bahasa Inggeris murid adalah rendah dan kemahiran bahasa guru juga terhad. Cadangan ini sememangnya mempunyai implikasi kewangan. Namun demikian, kesan jangka panjang daripada khidmat pakar bahasa Inggeris dari luar negara adalah banyak dan mempunyai impak signifikan terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris di sekolah dan Institusi Pendidikan Guru di negara ini.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sememangnya bercadang untuk mengambil khidmat pakar luar negara bagi melatih tenaga pengajar tempatan. Ianya lebih menjimatkan dan kepakaran yang disalurkan kepada tenaga pengajar tempatan akan lebih berkesan. Pakar luar negara diperlukan bagi mengendalikan program latihan untuk memantapkan pengajaran diperlukan bagi mengendalikan program latihan untuk memantapkan pengajaran dan pembelajaran guru bahasa Inggeris latihan di sekolah-sekolah dalam kluster dan zon-zon yang telah ditetapkan serta dikenalpasti oleh KPM.

Mereka juga akan membantu guru bahasa Inggeris dalam aktiviti-aktiviti sokongan pengajaran dan pembelajaran seperti pembinaan bahan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai untuk bahasa Inggeris.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR
(KETEREH)

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 16.03.2010 - 15.04.2010

Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir (Ketereh) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan mengapakah Kerajaan gagal membendung kemasukan rokok yang tidak sah dan penjualan yang agak berleluasa. Sila senaraikan jenama rokok tidak sah yang dapat dikesan oleh pihak Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan aktiviti membanteras penyeludupan rokok. Antara program terkini Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) untuk mencegah penyeludupan adalah:

- i. memantapkan dan mempelbagaikan strategi penguatkuasaan mengikut keadaan dan kehendak semasa termasuk:

- a. Memperkasakan tugas risikan ke arah *intelligence driven* dan mengurangkan pergantungan kepada ampoma;
 - b. Menggunakan kaedah *risk management* dan teknologi tinggi untuk mempertingkatkan keberkesanan dan penguatkuasaan;
 - c. Meningkatkan bilangan operasi dan aktiviti penguatkuasaan berteraskan hasil (*outcome based*);
 - d. Mengetatkan pengeluaran lesen import rokok; dan
 - e. Meningkatkan jalinan kerjasama dengan lain-lain agensi Kerajaan dan badan bukan Kerajaan.
- ii. Meneruskan strategi menyekat/memutuskan *delivery system* barang seludup daripada sampai ke tangan orang ramai dengan mengambil tindakan-tindakan berikut:
- a. Sekatan jalan raya;
 - b. Rondaan laut dan darat di kawasan *hot spot* sebagai sistem *firewall*;
 - c. Penggeledahan kapal;
 - d. Pemeriksaan rapi menggunakan *scanning machine*;

- e. Operasi Bersepadu iaitu operasi mencegah penyeludupan di tempat berisiko tinggi yang melibatkan beberapa stesen dari seluruh Malaysia;
 - f. Operasi Penutupan iaitu operasi yang dijalankan di kawasan yang disyaki atau berisiko tinggi di sepanjang pantai Malaysia Barat dengan menempatkan anggota pencegahan dengan kawalan 24 jam;
 - g. Operasi *Hit and Run* iaitu serbuan oleh pasukan dari Negeri yang berlainan; dan
 - h. Serbuan ke atas premis/stor/outlet tempat pengedar atau peruncit menjalankan operasinya.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini JKDM telah mengesan 403 jenama rokok tidak sah yang diseludup/cuba diseludup ke dalam pasaran tempatan termasuklah Rokok Gudang Garam, Rokok Era, Rokok Nusantara dan lain-lain jenama seperti disenaraikan di Lampiran A.

SENARAI JENAMA ROKOK TIDAK SAH YANG DIKESAN

LAMPIRAN A

BIL.	JENAMA ROKOK	BIL.	JENAMA ROKOK	BIL.	JENAMA ROKOK	BIL.	JENAMA ROKOK
1	ROKOK 501	39	ROKOK CHELSEA	77	ROKOK ERA FILTER (BIRU)	115	ROKOK GUDANG GARAM INTERNATIONAL
2	ROKOK 501 VIRGINIA	40	ROKOK CHRIS SUPER SLIM (H)	78	ROKOK ERA FILTER (HIJAU)	116	ROKOK GUDANG GARAM KING SIZE
3	ROKOK 90 MIN	41	ROKOK COUNTRY	79	ROKOK ERA FULL FLAVOR	117	ROKOK GUDANG GARAM KING SIZE 12
4	ROKOK ABSOLUTE	42	ROKOK CRAZY HORSE	80	ROKOK ERA FULL FLAVOR (TLC)	118	ROKOK GUDANG GARAM MENTHOL MILD
5	ROKOK ABSOLUTE (TSC)	43	ROKOK CRYSTAL	81	ROKOK ERA MENTHOL	119	ROKOK GUDANG GARAM NUSANTARA
6	ROKOK ABSOLUTE MENTHOL	44	ROKOK CRYSTAL SPECIAL	82	ROKOK ERA MENTHOL (MERAH) (MDNP)	120	ROKOK GUDANG GARAM NUSANTARA (H)
7	ROKOK ABSOLUTE MENTHOL (H)	45	ROKOK D & J	83	ROKOK ERA MENTHOL (TLC)	121	ROKOK GUDANG GARAM NUSANTARA (H) 12
8	ROKOK ABSOLUTE MENTHOL (TLC)	46	ROKOK D & J MERAH	84	ROKOK ERA MENTHOL SPECIAL BLEND	122	ROKOK GUDANG GARAM NUSANTARA (H) MDNP
9	ROKOK ABSOLUTE MENTHOL MILD	47	ROKOK D & J PREMIUM	85	ROKOK ERA PREMIUM	123	ROKOK GUDANG GARAM NUSANTARA (M)
10	ROKOK ABSOLUTE MILD	48	ROKOK D BESS MILD	86	ROKOK ERA PREMIUM SPECIAL STANDARD	124	ROKOK GUDANG GARAM NUSANTARA (M) 12
11	ROKOK ABSOLUTE MILD (B)	49	ROKOK D BESS MENTHOL	87	ROKOK FEEL	125	ROKOK GUDANG GARAM NUSANTARA (M) MDNP
12	ROKOK ABSOLUTE MILD MENTHOL	50	ROKOK D G1	88	ROKOK FILTER KING ASTRO AMERICAN BLEND	126	ROKOK GUDANG GARAM NUSANTARA (MDNP)
13	ROKOK ABSOLUTE MILD MENTHOL (TLC)	51	ROKOK D GI FLAVOR	89	ROKOK FISHER	127	ROKOK GUDANG GARAM NUSANTARA (MENTHOL)
14	ROKOK ADVANTE	52	ROKOK D GI FULL FLAVOR	90	ROKOK FISHER (DF)	128	ROKOK GUDANG GARAM NUSANTARA 12
15	ROKOK AMERICAN BLEND	53	ROKOK D GI FULL MENTHOL	91	ROKOK FISHER LIGHT	129	ROKOK GUDANG GARAM NUSANTARA HIJAU
16	ROKOK AMERICAN LEGEND	54	ROKOK D GI MENTHOL	92	ROKOK FISHER LIGHT	130	ROKOK GUDANG GARAM NUSANTARA HIJAU (H)
17	ROKOK AMERICAN LEGEND MENTHOL	55	ROKOK D.O	93	ROKOK FIT MILD MENTHOL	131	ROKOK GUDANG GARAM NUSANTARA HIJAU (M)
18	ROKOK APACHE PREMIUM	56	ROKOK D-G	94	ROKOK FORTUNE	132	ROKOK GUDANG GARAM NUSANTARA HIJAU (MDNP)
19	ROKOK ASIA CUP	57	ROKOK D-G1 MENTHOL	95	ROKOK FRESH TEA MIX	133	ROKOK GUDANG GARAM NUSANTARA MENTHOL
20	ROKOK ASTRO	58	ROKOK DJARUM	96	ROKOK FRESH TEA MIX MENTHOL	134	ROKOK GUDANG GARAM NUSANTARA MENTHOL MILD
21	ROKOK ASTRO AMERICAN BLEND	59	ROKOK DJARUM 76	97	ROKOK GARUDA	135	ROKOK GUDANG GARAM NUSANTARA MERAH
22	ROKOK ASTRO HIJAU	60	ROKOK DJARUM BLACK	98	ROKOK GARUDA CLASSIC	136	ROKOK GUDANG GARAM NUSANTARA MERAH (MDNP)
23	ROKOK ASTRO MERAH	61	ROKOK DJARUM SUPER	99	ROKOK GENIS	137	ROKOK GUDANG GARAM NUSANTARA MILD
24	ROKOK ATLANTA	62	ROKOK DJI SAM SOE	100	ROKOK GIN	138	ROKOK GUDANG GARAM NUSANTARA (H)
25	ROKOK ATLANTA MENTHOL	63	ROKOK DJI SAM SOE 12	101	ROKOK GLORY	139	ROKOK GUDANG GARAM PREMIUM
26	ROKOK BAVARIA HOLLAND	64	ROKOK DJI SAM SOE 16	102	ROKOK GOLD RUSH	140	ROKOK GUDANG GARAM SIGNATURE MENTHOL
27	ROKOK BENSON & HEDGES	65	ROKOK DOUBLE LEAVES MENTHOL (TLC)	103	ROKOK GOLDRUSH FILTER	141	ROKOK GUDANG GARAM SUPER
28	ROKOK BENTOEL	66	ROKOK DUNHILL (BIRU) (MDNP)	104	ROKOK GUDANG BARU	142	ROKOK GUDANG GARAM SURYA
29	ROKOK BINGO	67	ROKOK DUNHILL (D/F)	105	ROKOK GUDANG BARU (TSC)	143	ROKOK GUDANG GARAM SURYA 12
30	ROKOK BINGO (MDNP)	68	ROKOK DUNHILL (MDNP)	106	ROKOK GUDANG BARU 12	144	ROKOK GUDANG GARAM SURYA 14 (DF)
31	ROKOK BINGO BIRU	69	ROKOK DUNHILL (PASARAN THAILAND)	107	ROKOK GUDANG BARU 16	145	ROKOK GUDANG GARAM SURYA 16
32	ROKOK BINGO HIJAU	70	ROKOK DUO	108	ROKOK GUDANG BARU 16	146	ROKOK GUDANG GARAM SURYA 20
33	ROKOK BLACK JACK	71	ROKOK DUO CLASSIC	109	ROKOK GUDANG BARU PREMIUM	147	ROKOK GUDANG GARAM SURYA 20 (MDNP)
34	ROKOK BLUE RIVER FULL FLAVOR	72	ROKOK DUO M	110	ROKOK GUDANG GARAM	148	ROKOK GUDANG GARAM SURYA 45
35	ROKOK CANYON	73	ROKOK DUO M MENTHOL	111	ROKOK GUDANG GARAM (DF)	149	ROKOK GUDANG GARAM SURYA KING SIZE
36	ROKOK CANYON (MERAH DAN MENTHOL)	74	ROKOK DUSK	112	ROKOK GUDANG GARAM 12	150	ROKOK GUDANG GASING SUPER
37	ROKOK CANYON MENTHOL	75	ROKOK DUSK FILTER	113	ROKOK GUDANG GARAM 12	151	ROKOK GULDEN ELITE (TLC)
38	ROKOK CHAMPION	76	ROKOK ERA	114	ROKOK GUDANG GARAM INT. 12	152	ROKOK HALFTIME

SENARAI JENAMA ROKOK TIDAK SAH YANG DIKESAN

BIL.	JENAMA ROKOK	BIL.	JENAMA ROKOK	BIL.	JENAMA ROKOK	BIL.	JENAMA ROKOK
133	ROKOK HALFTIME 5	181	ROKOK LEAGUE (G)	229	ROKOK MARLBORO	267	ROKOK NUSANTARA MENTHOL
134	ROKOK HALFTIME 5 (M)	192	ROKOK LEAGUE (H)	230	ROKOK MARLBORO LIGHT	268	ROKOK NUSANTARA MERAH
155	ROKOK HALFTIME 5 VIRGINIA	193	ROKOK LEAGUE (M)	231	ROKOK MARLBORO LIGHT MENTHOL	269	ROKOK NUSANTARA MERAH (MDNP)
156	ROKOK HARVY	194	ROKOK LEAGUE (M) FULL FLAVOR	232	ROKOK MARLBORO MENTHOL	270	ROKOK NUSANTARA MERAH 12
157	ROKOK HEAVY DELUXE BLEND	195	ROKOK LEAGUE (P)	233	ROKOK MARLBORO MERAH	271	ROKOK KIZ
158	ROKOK HIRO FULL FLAVOR	196	ROKOK LEAGUE 5 (M)	234	ROKOK MARVELLS	272	ROKOK NYX FILTER
159	ROKOK NYXPAX	197	ROKOK LEAGUE FULL FLAVOR	235	ROKOK MARVELS HIJAU	273	ROKOK NYX MENTHOL
160	ROKOK JAZZ SUPER SLIM	198	ROKOK LEAGUE FULL FLAVOR (M)	236	ROKOK MASTER MILD	274	ROKOK NYX MERAH
181	ROKOK JOHN	199	ROKOK LEAGUE MENTHOL	237	ROKOK MELIA	275	ROKOK OGI
182	ROKOK JOHN	200	ROKOK LEAGUE MENTHOL ICE	238	ROKOK MELIA MENTHOL	276	ROKOK OGI MENTHOL
183	ROKOK JOHN (DF)	201	ROKOK LEAGUE MERAH	240	ROKOK MEMORY CLASSIC	277	ROKOK OGI PREMIUM
184	ROKOK JOHN (MDNP)	202	ROKOK LEAGUE VIRGINIA	241	ROKOK MEMORY MENTHOL (TLC)	278	ROKOK PARADOK
185	ROKOK JUNE	203	ROKOK LIMOS MENTHOL (TLC)	242	ROKOK MEMORY MENTHOL FRESH	280	ROKOK PARADOX (HMAU)
186	ROKOK JUNE (B)	204	ROKOK LIUSHUINYIN LIGHT(TLC)	243	ROKOK MENARA	281	ROKOK PAPUAOX (RUNING)
187	ROKOK JUNE (H)	205	ROKOK LUCKY 8	244	ROKOK MENARA DUNIA	282	ROKOK PARKWAY
188	ROKOK JUNE LIGHT	206	ROKOK LUFFMAN	245	ROKOK MILD MENTHOL	283	ROKOK PARKWAY MENTHOL (TLC)
189	ROKOK JUNE MENTHOL	207	ROKOK LUFFMAN (MDNP)	246	ROKOK MILD SEVEN	284	ROKOK PARKWAY FILTER
170	ROKOK JUNE MENTHOL SLIMS	208	ROKOK LUFFMAN AMERICAN BLEND	247	ROKOK MILD SEVEN (DF)	285	ROKOK PARKWAY FILTER (TLC)
171	ROKOK JUNE SLIM	209	ROKOK LUFFMAN AMERICAN BLEND (TLC)	248	ROKOK MILD SEVEN (MDNP)	286	ROKOK PARKWAY FILTER (TSC)
172	ROKOK JUNE SLIM (B)	210	ROKOK LUFFMAN BLEND (MDNP)	249	ROKOK MINNA	287	ROKOK PARKWAY MENTHOL
173	ROKOK JUNE SLIM (H)	211	ROKOK LUFFMAN ICE COOL	250	ROKOK MINNA INT.	288	ROKOK PARKWAY MENTHOL (TLC)
174	ROKOK JUNE SLIM (L)	212	ROKOK LUFFMAN LIGHTS	251	ROKOK MINNA INTERNATIONAL	289	ROKOK PARKWAY MENTHOL (TSC)
175	ROKOK JUNE SLIM LIGHT	213	ROKOK LUFFMAN MENTHOL	252	ROKOK MINNA MILD	290	ROKOK PENSIL MAS
176	ROKOK JUNE SLIM MENTHOL	214	ROKOK LUFFMAN MENTHOL (MDNP)	253	ROKOK MODENG	291	ROKOK PENSIL MAS (TLC)
177	ROKOK JUST BLACK	215	ROKOK LUFFMAN MENTHOL (TLC)	254	ROKOK NAVY	292	ROKOK PENSIL MAS INT.
178	ROKOK KANSAS	216	ROKOK LUFFMAN MENTHOL (TSC)	255	ROKOK NAVY SPECIAL	293	ROKOK PERDANA
179	ROKOK KEMBOJA	217	ROKOK LUFFMAN MENTHOL AMERICAN BLEND	256	ROKOK NAVY SPECIAL FILTER	294	ROKOK PERILLI'S
180	ROKOK LA	218	ROKOK LUFFMAN MERAH	257	ROKOK NEO MILD	295	ROKOK PERILLI'S KING SIZE
181	ROKOK LA KING KING SIZE	219	ROKOK LUFFMAN SPECIAL BLEND	258	ROKOK NUSANTARA	296	ROKOK PHILIPS MORRIS
182	ROKOK LA LIGHTS	220	ROKOK LUFFMAN VIRGINIA BLEND	259	ROKOK NUSANTARA (H)	297	ROKOK PLAZA
183	ROKOK LA LIGHTS (TLC)	221	ROKOK LUFFMAN VIRGINIA	260	ROKOK NUSANTARA (HIJAU)	298	ROKOK PREMIUM
184	ROKOK LA LIGHTS MENTHOL	222	ROKOK LUFFMAN VIRGINIA (MDNP)	261	ROKOK NUSANTARA (M)	299	ROKOK PREMIUM INTERNATIONAL
185	ROKOK LA MENTHOL	223	ROKOK LUFFMAN VIRGINIA BLEND	262	ROKOK NUSANTARA (MERAH)	300	ROKOK PREMIUM PRIVATE
186	ROKOK LA MENTHOL 16	224	ROKOK LUFFMAN VIRGINIA BLEND (MDNP)	263	ROKOK NUSANTARA 12 HIJAU	301	ROKOK PREMIUM PRIVATE BLEND
187	ROKOK LA MENTHOL LIGHT	225	ROKOK M2	264	ROKOK NUSANTARA HIJAU	302	ROKOK PREMIUM
188	ROKOK LA MENTHOL LIGHTS (TLC)	226	ROKOK M2 MASTER MILD	265	ROKOK NUSANTARA HIJAU (MDNP)	303	ROKOK RAVE
189	ROKOK LA MENTHOL LIGHTS (TSC)	227	ROKOK M2 MASTER MILD MENTHOL	266	ROKOK NUSANTARA HIJAU 12	304	ROKOK RAVE AMERICAN BLEND
190	ROKOK LEAGUE	228	ROKOK MAC ARTHUR				

SENARAI JENAMA ROKOK TIDAK SAH YANG DIKESAN

BIL.	JENAMA ROKOK	BIL.	JENAMA ROKOK	BIL.	JENAMA ROKOK
305	ROKOK RAVE FULL FLAVOR	343	ROKOK SUNLITE MENTHOL	381	ROKOK VISS
306	ROKOK RAVE FULL FLAVOR (TLC)	344	ROKOK SURIA	382	ROKOK WALTON VIRGINIA
307	ROKOK RAVE FULL FLAVOR (TSC)	345	ROKOK SURYA (M)	383	ROKOK WIN MILD CETEA
308	ROKOK RAVE MENTHOL	346	ROKOK SURYA 12	384	ROKOK WINSTON
309	ROKOK RAVE MENTHOL (TLC)	347	ROKOK SURYA 16	385	ROKOK WINSTON VIRGINIA LIGHTS
310	ROKOK RAY	348	ROKOK SURYA MENTHOL	386	ROKOK WISMILAK
311	ROKOK RAY (H)	349	ROKOK SURYA SLIM	387	ROKOK WISMILAK DIPLOMAT
312	ROKOK RAY (M)	350	ROKOK SURYA SUPER STAR	388	ROKOK X MILD
313	ROKOK RAY AMERICAN BLEND	351	ROKOK TEX	389	ROKOK ZEN
314	ROKOK RAY AMERICAN BLEND COOL MENTHOL (TSC)	352	ROKOK TEX FULL FLAVOR	390	ROKOK ZHONGNANHAI MENTHOL (TLC)
315	ROKOK RAY COOL MENTHOL	353	ROKOK TEX LIGHT	391	ROKOK ZHONGNANHAI
316	ROKOK RAY FULL FLAVOR	354	ROKOK TEX LIGHTS	392	ROKOK ZHONGNANHAI CHARCOAL FILTER
317	ROKOK RAY FULL FLAVOR (TSC)	355	ROKOK TEX MENTHOL	393	ROKOK ZHONGNANHAI CHARCOAL FILTER (TLC)
318	ROKOK RAY MENTHOL	356	ROKOK TEXAS	394	ROKOK ZHONGNANHAI HERB BLEND
319	ROKOK RICHMAN	357	ROKOK TEXAS 5	395	ROKOK ZHONGNANHAI MENTHOL
320	ROKOK ROCK MENTHOL	358	ROKOK TEXAS 5 (H)	396	ROKOK ZHONGNANHAL MENTHOL (TLC)
321	ROKOK ROMANTIC	359	ROKOK TEXAS 5 (M)	397	ROKOK ZITOS
322	ROKOK ROMANTIC VIRGINIA	360	ROKOK TEXAS 5 (MDNP)	398	ROKOK ZITOS INTERNATIONAL
323	ROKOK ROMANTIK	361	ROKOK TEXAS 5 (MERAH)	399	ROKOK ZITOS KING SIZE
324	ROKOK S.MILD MENTHOL (TLC)	362	ROKOK TEXAS 5 AMERICAN BLEND	400	ROKOK ZITOS MENTHOL
325	ROKOK SAMPOERNA	363	ROKOK TEXAS 5 AMERICAN BLEND MENTHOL	401	ROKOK ZITOS MENTHOL (TLC)
326	ROKOK SAMPOERNA MERAH	364	ROKOK TEXAS 5 MENTHOL	402	ROKOK ZON KING
327	ROKOK SAMPOERNA MILD	365	ROKOK VESS	403	ROKOK ZONG KING INTERNATIONAL
328	ROKOK SEJAHTERA 12	366	ROKOK VESS FULL FLAVOR		
329	ROKOK SENATOR	367	ROKOK VESS FULL FLAVOR (TLC)		
330	ROKOK SHEIKH FULL FLAVOR	368	ROKOK VESS MENTHOL		
331	ROKOK SKL	369	ROKOK VESS MENTHOL (TLC)		
332	ROKOK SL 888	370	ROKOK VIDANA BLACK		
333	ROKOK SLIM HIJAU	371	ROKOK VINCENT CLASSIC		
334	ROKOK SLIM MENTHOL	372	ROKOK VIRGINIA		
335	ROKOK SLIM MERAH	373	ROKOK VIRGINIA STAR		
336	ROKOK SLIMS MENTHOL	374	ROKOK VIRGINIA STAR (CLASSIC)		
337	ROKOK SLIMS SURYA	375	ROKOK VIRGINIA STAR (HIJAU)		
338	ROKOK STAR	376	ROKOK VIRGINIA STAR (M)		
339	ROKOK STAR MILD	377	ROKOK VIRGINIA STAR (MERAH)		
340	ROKOK STAR MILD 16	378	ROKOK VIRGINIA STAR MENTHOL		
341	ROKOK SUNLITE	379	ROKOK VIRGINIA STAR MENTHOL (TLC)		
342	ROKOK SUNLITE FILTER	380	ROKOK VIRGINIA STAR MERAH		

NO. ALIM : 237 234

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH :

RUJUKAN : 2522

SOALAN:

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah denda dan saman polis trafik yang telah dan belum dibayar untuk tahun 2008 dan 2009 mengikut negeri, jenis kesalahan dan jenis kenderaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Segambut yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi tahun 2008, jumlah saman yang dikeluarkan oleh PDRM adalah sebanyak 4,379,898. Dari jumlah tersebut, sebanyak 2,030,348 atau 50.1 peratus saman telah selesai dibayar dan 2,349,550 masih belum diselesaikan oleh pesalah lalulintas. Manakala bagi tahun 2009, jumlah saman yang telah dikeluarkan adalah sebanyak 4,318,651. Dari jumlah tersebut 2,289,946 saman atau 53 peratus telah selesai dibayar dan 2,820,406 saman masih belum dijelaskan oleh pesalah lalulintas.

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah saman yang telah dikeluarkan oleh PDRM mengikut negeri bagi tahun 2008 dan 2009 adalah seperti berikut :

	TAHUN 2008		
	JUMLAH SAMAN DIDAFTARKAN	JUMLAH SAMAN BELUM SELESAI	JUMLAH SAMAN SELESAI
JOHOR	523,464	319,834	209,464
KEDAH	238,294	135,538	106,316
KELANTAN	158,754	99,336	60,032
MELAKA	118,362	59,353	54,635
N.SEMBILAN	179,696	101,277	69,317
PAHANG	225,646	144,280	70,894
P.PINANG	282,269	153,164	132,287
PERAK	451,844	291,709	148,124
SELANGOR	306,607	492,335	297,826
TERENGGANU	108,514	48,829	64,490
K.LUMPUR	535,143	355,711	527,041
SABAH	217,299	85,393	145,741
SARAWAK	163,456	41,355	124,447
PERLIS	40,341	21,276	19,682
JUMLAH	4,379,898	2,349,550	2,030,343

	TAHUN 2009		
	JUMLAH SAMAN DIDAFTARKAN	JUMLAH SAMAN BELUM SELESAI	JUMLAH SAMAN SELESAI
JOHOR	604,378	416,255	248,200
KEDAH	247,786	142,842	132,592
KELANTAN	164,249	108,895	65,304
MELAKA	113,349	65,495	58,066
N.SEMBILAN	167,402	103,999	67,617
PAHANG	264,420	181,011	81,021
P.PINANG	253,266	209,412	171,680
PERAK	369,175	250,371	140,883
SELANGOR	926,409	638,019	364,262
TERENGGANU	112,979	57,578	75,950
K.LUMPUR	575,543	428,964	516,960
SABAH	222,819	107,726	149,910
SARAWAK	259,493	88,313	196,657
PERLIS	37,383	21,526	20,844
JUMLAH	4,318,651	2,820,406	2,289,946

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG
(SEGAMBUT)
NO.SOALAN : 235

TUAN LIM LIP ENG (SEGAMBUT) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan langkah-langkah yang telah dilaksanakan dan yang akan diambil untuk membanteras penyelewengan dalam sektor korporat negara yang serius menurut laporan KPMG yang mendapati kes penyelewengan ini dijangka meningkat berikutan krisis ekonomi global.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sepanjang tahun 2009 sehingga kini, Suruhanjaya Syarikat Malaysia ('SSM') telah mengambil langkah-langkah pengesukcacean berikut bagi menangani kesalahan-kesalahan jenayah korporat di bawah Akta syarikat 1965 :

(a) Aktiviti Pendakwaan

SSM telah menfaikan sejumlah 6,247 kes pada tahun 2009 sehingga kini di Mahkamah Majistret dan Mahkamah Sekyen bagi kesalahan-kesalahan di

bawah Akta Syarikat 1965. Daripada jumlah ini sebanyak 48 kes adalah kesalahan jenayah korporat. Bagi tahun 2010, sebanyak 9 kes jenayah korporat telah difailkan.

(b) Aktiviti Litigasi

Pada tahun 2009, SSM telah mengambil tindakan penguatkuasaan sivil terhadap dua buah syarikat di bawah seksyen 368A Akta Syarikat 1965 untuk mendapatkan perintah injunksi dan di bawah seksyen 217 Akta Syarikat 1965 untuk mendapatkan perintah penggulungan.

(c) Aktiviti Bahagian Pemantauan

SSM telah menghantar notis kepada 88 buah syarikat yang melibatkan 24 orang pengarah yang telah disabitkan kesalahan untuk memaklumkan kepada mereka supaya meletakkan jawatan sebagai pengarah syarikat. SSM juga telah membatalkan lesen 2 orang juruaudit dan 4 orang setiausaha syarikat.

(d) Aktiviti Siasatan

SSM telah membuka sejumlah 240 kertas siasatan pada tahun 2009 dan 67 kertas siasatan bagi tahun 2010 sehingga kini, bagi kesalahan-kesalahan jenayah korporat di bawah Akta Syarikat 1965.

(e) inisiatif-inisiatif dan Tindakan-Tindakan Iain

Di antara inisiatif-inisiatif lain yang telah diambil oleh SSM adalah seperti berikut :-

- Menawarkan kursus-kursus pendidikan melalui akademik Iafithannya (COMTRAC) kepada orang awam termasuk pengarah syarikat dengan tujuan untuk mendidik mereka berkenaan tadbir urus syarikat dan peruntukan Akta Syarikat 1963.
- Penubuhan “Special Task” (Jawatankuasa Khas Bersama) yang dianggotai Jabatan Siasatan Jenayah Komersial PDRM, Suruhanjaya Sekuriti, dan Bank Negara Malaysia. Jawatankuasa Khas Bersama ini ditubuhkan dengan tujuan untuk mengukuhkan jalinan rangkaian kerjasama bagi menangani isu-isu jenayah kolar putih di seluruh negara secara bersepadu.
- Penglibatan aktif SSM dalam aktiviti-aktiviti yang melibatkan Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001.

Usaha-usaha penguatkuasaan berterusan yang diambil oleh pihak SSM di atas mencerminkan hasrat utama SSM untuk memastikan tahap tadbir urus korporat yang berkualiti tinggi dapat diterapkan dalam syarikat-syarikat di Malaysia dan juga bagi memastikan satu persekitaran perniagaan yang selamat dan kondusif dapat disediakan bagi rakyat Malaysia dan para pelabur.

NO. SOALAN : 236

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG (SEGAMBUT)

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat Februari 2010, nama projek-projek di bawah RMK-9 yang belum disiapkan mengikut kawasan, jumlah peruntukan yang diberi dan alasan mengapa ia masih belum disiapkan.

JAWAPAN :

Kerajaan telah menyediakan siling peruntukan sebanyak RM230.0 bilion di bawah RMK-9 bagi melaksanakan 26,820 projek pembangunan di seluruh negara. Sehingga 28 Februari 2010, hanya 11 projek dengan siling peruntukan sebanyak RM82.0 juta masih berstatus Belum Mula (BM). Projek-projek ini akan dilaksanakan di dalam RMK-10.

Pada masa ini terdapat 16,334 projek berada di dalam pelbagai peringkat pelaksanaan dengan siling peruntukan berjumlah RM193.9 bilion. Ini termasuk 683 projek di dalam peringkat perancangan oleh kementerian/agensi pelaksana. Sehingga kini juga, sebanyak 10,482 projek dengan siling peruntukan sebanyak RM36.0 bilion telah disiapkan.

Di antara sebab kelewatan projek yang kerap berbangkit adalah masalah di peringkat pra-pelaksanaan dan di peringkat pembinaan. Di peringkat pra-pembinaan, punca kelewatan projek adalah masalah

tanah, setinggan dan pengalihan utiliti. Bagi peringkat pembinaan pula, masalah yang sering berbangkit adalah kelemahan kontraktor dari segi pengurusan, kewangan serta tenaga kerja dan kekurangan bahan binaan di pasaran.

SOALAN NO: 237

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB LIM LIP ENG

SOALAN :

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara teliti berapakan akta dan nama akta-akta yang telah dimansuhkan sejak tahun 1990 dan akta-akta yang sedang dalam proses pemansuhan atau penyemakan.

JAWAPAN: YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan Undang-Undang (BPPUU), Jabatan Peguam Negara terlibat secara langsung dalam proses penyemakan dan pembaharuan undang-undang di negara ini sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [Akta 1]. Sejak tahun 1990 sebanyak 63 Akta yang telah dimansuhkan. Nama-nama Akta yang telah dimansuhkan adalah seperti yang berikut:

BIL. NAMA AKTA YANG DIMANSUHKAN TAHUN DIMANSUHKAN

1.	Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1968 [Akta 6]	1995
2.	Akta Bank Pertanian Malaysia 1966 [Akta 9]	2008
3.	Akta Telekomunikasi 1950 [Akta 20]	1998
4.	Akta Perdagangan Bebas 1971 [Akta 24]	1990
5.	Akta Filem (Penapisan) 1952 [Akta 35]	2002
6.	Akta Kewangan (Duti Hara Pesaka) 1971 [Akta 38]	1992
7.	Akta Hospital Persendirian 1971 [Akta 43]	1998
8.	Akta Pembangunan Bandar 1971 [Akta 46]	1996
9.	Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967 [Akta 54]	1993
10.	Akta Pencegah Rasuah 1961 [Akta 57]	1997

- | | | |
|-----|---|------|
| 11. | Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara 1972 [Akta 68] | 1997 |
| 12. | Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia 1972 [Akta 72] | 1992 |
| 13. | Akta Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia 1972 [Akta 84] | 1996 |
| 14. | Akta Insurans 1963 [Akta 89] | 1996 |
| 15. | Akta Mahkamah Juvana 1947 [Akta 90] | 2001 |
| 16. | Akta Timbang Tara 1952 [Akta 93] | 2005 |
| 17. | Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 [Akta 106] | 2001 |
| 18. | Akta Elektrik 1949 [Akta 116] | 1990 |
| 19. | Akta Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan) 1975 [Akta 157] | 1996 |
| 20. | Akta Benda Purba 1976 [Akta 168] | 2005 |
| 21. | Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) 1976 [Akta 179] | 1998 |

22. Akta Panggung dan Tempat Hiburan (Wilayah Persekutuan) 1977 [Akta 162] 1992
23. Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 [Akta 186] 2000
24. Akta Pejabat Pos 1947 [Akta 217] 1994
25. Akta Reka Bentuk United Kingdom (Perlindungan) 1949 [Akta 214] 1996
26. Akta Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Kelapa Sawit 1979 [Akta 216] 1998
27. Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1979 [Akta 219] 1992
28. Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1980 [Akta 223] 1992
29. Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda 1947 [Akta 232] 1991
30. Akta Pemegang Amanah Raya 1950 [Akta 247] 1996
31. Akta Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan 1950 – 1962 [Akta 252] 1991

32. Akta Badan Pencegah Rasuah 1982
[Akta 271] 1997
33. Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
1951 [Akta 272] 1991
34. Akta Jemaah Pemeriksa Elektrik 1983
[Akta 277] 1990
35. Akta Perindustrian Sekuriti 1983
[Akta 280] 2007
36. Akta Lembaga Kemajuan Wilayah
Jengka 1983 [Akta 285] 1997
37. Akta Koperasi 1948 [Akta 287] 1993
38. Akta Konvensyen Mengenai
Pengiktirafan dan Penguatkuasaan
Award Timbangtara Asing 1985
[Akta 320] 2005
39. Akta Dagangan Komoditi 1985
[Akta 324] 1997
40. Akta Penyiaran 1988 [Akta 338] 1998
41. Akta Kastam (Lambakan dan Subsidi)
1959 [Akta 361] 1993

42.	Akta Kawalan Sewa 1966 [Akta 363]	1997
43.	Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 [Akta 304]	1992
44.	Akta Lembaga Pemulihian dan Penyatuan Tanah Negara (Pemerbadanan) 1966 [Akta 389]	1997
45.	Akta Kumpulan Wang Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia 1958 [Akta 401]	1996
46.	Akta Institut Penyelidikan Getah Malaysia 1966 [Akta 407]	1996
47.	Akta Pekerja-Pekerja Pelabuhan (Peraturan Pekerjaan) 1965 [Akta 419]	2000
48.	Akta Duti Sewa Guna Filem Sinematograf 1965 [Akta 434]	1997
49.	Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1991 [Akta 454]	2007
50.	Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991 [Akta 468]	2001
51.	Akta Pendaftaran Eksport Getah 1966 [Akta 475]	1996

- | | | |
|-----|---|------|
| 52. | Akta Lembaga Pembangunan Labuan 1992 [Akta 480] | 2001 |
| 53. | Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992 [Akta 491] | 2001 |
| 54. | Akta Kumpulan Wang Buruh India Selatan 1958 [Akta 496] | 1999 |
| 55. | Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 [Akta 499] | 2007 |
| 56. | Akta Perkhidmatan Pembentungan 1993 [Akta 508] | 2006 |
| 57. | Akta Arkib Negara 1966 [Akta 511] | 2003 |
| 58. | Akta Pengawalan Perkapalan dan Pembungkusan Getah 1949 [Akta 526] | 1996 |
| 59. | Akta Harta Karun 1957 [Akta 542] | 2005 |
| 60. | Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996 [Akta 556] | 2007 |
| 61. | Akta Perkongsian Terhad Luar Pesisir Labuan 1997 [Akta 565] | 2010 |
| 62. | Akta Pencegahan Rasuah 1997 [Akta 575] | 2009 |

63. Akta Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir
Labuan 1998 [Akta 579] 2010

2. BPPUU sedang membuat penyemakan ke atas 1 Akta Persekutuan dan 14 Enakmen Negeri. Tujuan penyemakan yang dijalankan mencungkum Enakmen Negeri kerana Enakmen Penyemakan Undang-Undang [Enakmen 1] bagi setiap Negeri tidak membuat peruntukan mengenai penubuhan Jawatankuasa Penyemak Undang-Undang sebagaimana yang dibuat di bawah seksyen 4 Akta 1. Oleh itu, kerja penyemakan Enakmen Negeri oleh Unit Penyemakan Negeri perlu diselia oleh BPPUU untuk memastikan keseragaman penggunaan kuasa yang sepatutnya semasa penyemakan mengikut cara dan keadaan di Negeri-Negeri dan di peringkat persekutuan. Senarai Akta dan Enakmen yang dalam proses penyemakan adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA AKTA/ENAKMEN NEGERI
------	--------------------------

1. Malayan Estates Staff Provident Fund 1947 [No.32 of 1947]
2. Civil List Enactment 1981 (Pahang) [No. 3 of 1981]
3. Civil List Enactment 1906 (Perlis) [No. 3 of 1907]
4. Civil List Enactment 1959 (Terengganu) [No. 3 of 1959]
5. Civil List Enactment (Selangor) [No.15 of 1959]

6. Enakmen Peruntukan Diraja 1981 (Kedah) [Bil. 9 Tahun 1981]
7. Enakmen Peruntukan Diraja 1986 (Perlis) [Bil. 3 Tahun 1987]
8. Enakmen Pinjaman 1959 (Terengganu) [Bil. 5 Tahun 1959]
9. Enakmen Peruntukan Diraja 1959 (Terengganu) [Bil. 3 Tahun 1959]
10. Enakmen Peruntukan Diraja 1981 (Pahang) [no. 3 Tahun 1981]
11. Kelantan State Economic Development Corporation Enactment 1966 (Kelantan) [No. 10 of 1966]
12. Pahang State Economic Development Corporation Enactment 1965 (Pahang) [No. 12 of 1965]
13. Appointment and Remuneration of Political Secretary Enactment 1981 (Melaka) [No. 5 of 1981]
14. Enakmen Pelantikan dan Saraan Setiusaha Politik 1981 (Melaka) [No. 5 Tahun 1981]
15. Loans (Financing Statutory Bodies) Enactment 1972 (Melaka) [No. 5 of 1972]

3. Selain itu, BPPUU juga telah mengenal pasti sebanyak 191 Akta pra-1969 yang perlu disemak. Kajian sedang dibuat untuk mengenal pasti mana-mana undang-undang tersebut yang boleh dimansuhkan selaras dengan seksyen 11 Akta 1. Seksyen 11 memberi kuasa kepada Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang untuk mewaratakan senarai undang-undang pra-1969 yang telah siap dicermati dan mana-mana undang-undang yang belum dicermati dan tidak tersenarai dalam Mats hendaklah diberitahu telah dimansuhkan. Usaha masih dijalankan untuk mendapatkan maklum balas daripada Kementerian, Jabatan dan Agensi yang bertanggungjawab bagi Akta tersebut untuk memastikan sama ada Akta tersebut masih lagi terpakai atau boleh dimansuhkan.

4. Proses penyemakan sesuatu perundangan itu juga termasuklah proses pencetakan semula perundangan tersebut berdasarkan subseksyen 14(2) Akta 1 yang dibaca bersama perenggan 6(1)(vii), (x), (xv), (xvi), (xviii), (xix), (xx), (xxa) dan (xxb) Akta yang sama. Melalui peruntukan tersebut, Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang mempunyai kuasa yang luas semasa menyemak dan mencetak semula mana-mana perundangan. Bagi tahun 2010, sebanyak 11 Akta dan 3 perundangan subsidiari sedang dalam proses cetakan semula. Senarai Akta dan perundangan subsidiari tersebut adalah seperti yang berikut:

BIL.	NAMA AKTA/PERUNDANGAN SUBSIDIARI	TEKS BAHASA KEBANGSAAN/BAHASA INGGERIS
1.	Perlembagaan Persekutuan	Kedua-dua teks Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris
2.	Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [Akta 452]	Kedua-dua teks Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris
3.	Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 [Akta 612]	Kedua-dua teks Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris
4.	Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 [Akta 532]	Kedua-dua teks Bahasa Kebagsaan dan Bahasa Inggeris
5.	Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593]	Teks Bahasa Inggeris
6.	Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992 [Akta 481]	Kedua-dua teks Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris
7.	Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514]	Kedua-dua teks Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris

6. Akta Perhubungan Perindustrian 1967 Teks Bahasa Inggeris [Akta 777]
9. Akta Standard-Standard Minimum Teks Bahasa Kebangsaan Perumahan dan Kemudahan Pelajaran 1990 [Akta 446]
10. Akta Kualiti Alam Sekeling 1974 Teks Bahasa Kebangsaan [Akta 127]
11. Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (Pembubaran) 1997 Teks Bahasa Kebangsaan [Akta 569]
12. Peraturan-Peraturan Perhubungan Perusahaan 2009 [P.U.(A) 356/2009] Kedua-dua teks Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris
13. Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial (Am) 1971 [P.U.(A) 99/1971] Kedua-dua teks Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris
14. Peraturan-Peraturan Perlindungan Sinaran (Perlesenan) 1986 Kedua-dua teks Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris [P.U.(A) 149/1986]

Sekian, terima kasih.

Maklumat Tambahan

SENARAI UNDANG-UNDANG PRA-1969 YANG AKAN DISEMAK

JADUAL STATUT PERSEKUTUAN

FEDERATED MALAY STATES

Bil.	Nama Perundangan	
1.	Cap.25	Nurses Retiring Allowances Enactment
2.	Cap.81	Auction Sales Enactment
3.	Cap.91	Dangerous Trades Enactment
4.	Cap.105	Planters' Association of Malaya Incorporation Enactment
5.	Cap.106	Planters' Benevolent Fund Enactment
6.	Cap.107	Malayan Planters' Provident Fund Enactment
7.	Cap. 130	Government Loans Security Enactment
8.	Cap.148	Mineral Ores Enactment
9.	Cap.149	Gold Buyers Enactment
10.	Cap.180	Lepers Enactment
11.	En.18/1935	Destruction of Court Records Enactment 1935
12.	En.12/1936	Federated Malay States Loan Enactment

NEGERI NEGERI SELAT

Bil.	Nama Perundangan	
12.	Cap.80	Nurses Clothing Allowances Ordinance
14.	Cap.175	Muslim and Hindu Endowments Ordinance
16.	Cap.188	Auctioneers Licences Ordinance
18.	Ord.26/1930	Export of Plants (Control) Ordinance 1930

JOHOR

Bil.	Nama Perundangan	
17.	En.97	Mineral Ores Enactment
18.	En.117	Auction Sales Enactment
19.	En. 3/1936	Gold Buyers Enactment

KEDAH

Bil.	Nama Perundangan	
20.	En.8	Auctioneers Enactment
21.	En.66	Mineral Ore Buyers Enactment

KELANTAN

Bil.	Nama Perundangan	
22.	En.28/1930	Auction Sales Enactment 1930
23.	En.8/1932	Gold Buyers and Gold Royalty Enactment 1932

PERLIS

Bil.	Nama Perundangan	
24.	En.2/1330	Mineral Ores Enactment
25.	En.7/1337	Auction Sales Enactment 1337

SABAH

Bil.	Nama Perundangan	
26.	Cap.2	Advocates Ordinance
27.	Cap.9	Auctioneers Ordinance
28.	Cap.13	Betting and Sweepstake Duties Ordinance
29.	Cap.14	Bills of Sale Ordinance
30.	Cap.50	Gaming Ordinance
31.	Cap.60	Innkeepers Ordinance
32.	Cap.67	Labour Ordinance
33.	Cap.72	Limitation Ordinance
34.	Cap.78	Midwives Ordinance
35.	Cap.81	Moneylenders Ordinance
36.	Cap.99	Poisons (Agricultural and Industrial) Ordinance
37.	Cap.114	Quarantine Ordinance
38.	Cap.123	Registration of Births and Deaths Ordinance
39.	Cap. 137	Stamp Ordinance
40.	Cap.144	Trade Licensing Ordinance
41.	Cap.156	Widows' and Orphans' Pension Ordinance
42.	Ord.7/1956	Prisons Ordinance 1956

43.	Ord.23/1958	Pensions (War Damage Commission Service) Ordinance 1958
44.	Ord.8/1958	Reginald Edwin Gore Pension Ordinance 1958
45.	Ord.6/1958	Inquests Ordinance 1958
46.	Ord.12/1960	Currency Ordinance 1960
47.	Ord.12/1960	Surveyor's Ordinance
48.	Ord.13/1961	Overseas Service Ordinance 1961
49.	Ord.21/1961	Public Order Ordinance 1961
50.	Ord.6/1962	Preservation of Public Security Ordinance 1962
51.	Ord.8/1962	Commissioners for Oaths Ordinance 1962
52.	Ord.3/1963	Pensions Ordinance 1963
53.	Ord.12/1963	British North Borneo Company Pensions Ordinance 1963
54.	Ord.20/1963	Teachers' Superannuation Ordinance 1963
55.	Ord.22/1963	Pensions (Increase) Ordinance 1963

SARAWAK

Bil.	Nama Perundangan	
46.	Cap. 9	Records (Disposal) Ordinance
47.	Cap. 10	Registration of Birth and Deaths Ordinance
48.	Cap.24	Prisons Ordinance
58.	Cap. 25	Prisoners Reception Ordinance
60.	Cap.33	Businesses, Professions and Trades Licensing Ordinance
61.	Cap. 48	Inquests Ordinance
62.	Cap. 49	Limitation Ordinance
63.	Cap. 54	Evidence Ordinance

64.	Cap. 59	Designs (United Kingdom) Ordinance
65.	Cap. 64	Business Names Ordinance
66.	Cap. 68	Bills of Sale Ordinance
67.	Cap. 76	Labour Ordinance
68.	Cap. 79	Weekly Holidays Ordinance
69.	Cap. 80	Administration of Estates Ordinance
70.	Cap. 88	Government Employees Provident Fund Ordinance
71.	Cap. 89	Pensions Ordinance
72.	Cap. 90	Widows' and Orphans' Pension Ordinance
73.	Cap. 110	Advocates Ordinance
74.	Cap. 113	Midwives Ordinance
75.	Cap. 114	Moneylenders Ordinance
76.	Cap. 136	Censorship of Films and Public Entertainments Ordinance
77.	Cap. 138	Gambling Ordinance
78.	Ord. 19/1947	Pensions (Occupation Period) Ordinance 1947
79.	Ord. 3/1958	Pensions (Special Provisions) Ordinance 1958
80.	Ord. 1/1960	Sarawak Rangers Ordinance 1960
81.	Ord. 12/1960	Currency Ordinance 1960
82.	Ord. 16/1961	Mental Health Ordinance 1961
83.	Ord. 8/1962	Public Order Ordinance 1962
84.	Ord. 13/1962	Preservation of Public Security Ordinance 1962
85.	Ord. 9/1963	Compensation (Induced Non- Designated Public Officers) Ordinance 1963

TERENGGANU

Bil.	Nama Perundangan	
86.	En.48/1956	Mineral Ore Enactment

BRITISH MILITARY ADMINISTRATION

Bil.	Nama Perundangan	
87.	No.14/1945	Custodian of Enemy Property Proclamation 1945

MALAYAN UNION

Bil.	Nama Perundangan	
88.	Ord.10/1946	Loan Ordinance 1946
89.	Ord.9/1947	Chinese Tin Mines (Rehabilitation Loans) Ordinance 1947
90.	Ord.20/1947	Industrial Rehabilitation (Finance) Ordinance 1947
91.	Ord.26/1947	Malayan Planters Provident (Special Provisions) Ordinance 1947
92.	Ord.32/1947	Malaysian Estate Staff Provident Fund Ordinance 1947

FEDERATION OF MALAYA

Bil.	Nama Perundangan	
93.	Ord.21/1948	Land Acquisition (Compensation) – (Special Provisions) Ordinance 1948
94.	Ord.23/1948	Stamp (Custodian Transactions) Exemption Ordinance 1948
95.	Ord.16/1949	Loan Ordinance 1949

96.	Ord.73/1949	War Damage Ordinance 1949
97.	Ord.20/1950	Legal Representation of His Majesty's Forces Ordinance 1950
98.	Ord.21/1950	Licensing of Bicycles (State Legislatures Competency) Ordinance 1950
99.	Ord.42/1950	Penang Hill Railway Ordinance 1950
100.	Ord.43/1950	Custodian of Enemy Property (Documents of Title) (Malay States) Ordinance 1950
101.	Ord.76/1950	Required Records and Accounts Ordinance 1950
102.	Ord.1/1951	Pensions Ordinance 1951
103.	Ord.16/1951	Loan (Premium Bonds) Ordinance 1951
104.	Ord.45/1951	Federated Malay States Government Loans (Conversion) Ordinance 1951
105.	Ord.59/1951	Loan Ordinance 1951
106.	Ord.2/1952	Muslims (Titles and Construction) Ordinance 1952
107.	Ord.7/1952	Colonial Prisoners Removal Act, 1884 (Application to the Malay States) Ordinance 1952
108.	Ord.8/1952	Rubber Industry (Replanting) Fund Ordinance 1952
109.	Ord.31/1952	Mental Disorders Ordinance 1952
110.	Ord.53/1952	Registration of Marriages Ordinance 1952
111.	Ord.65/1952	Federation of Malaya Security Loan Ordinance 1952
112.	Ord.70/1952	Merchant Shipping Ordinance 1952
113.	Ord.30/1953	Local Forces (Civilian Liability) Ordinance 1953
114.	Ord.58/1953	Tin Industry (Research and Development Fund) Ordinance 1953
115.	Ord.30/1954	Visitor of the Christian Brothers' Schools (Incorporation) Ordinance 1954
116.	Ord.36/1954	Petaling Jaya Authority Ordinance 1954
117.	Ord.7/1955	Lady Superior of the Society of St. Maur (Incorporation)

		Ordinance 1955
118.	Ord.12/1955	Loan Ordinance 1955
119.	Ord.29/1955	Peace Treaties Orders (Application to the Federation) Ordinance 1955
120.	Ord.27/1955	Loan (State of Brunei) Ordinance 1955
121.	Ord.47/1956	Pensions (Special Provisions) Ordinance 1956
122.	Ord.12/1956	Disposal of War Funds Ordinance 1956
123.	Ord.16/1956	War Damage (Winding Up) Ordinance 1956
124.	Ord.60/1956	Settlement Nominated Councils (Change of Title) Ordinance 1956
125.	Ord.4/1957	Education Development Fund (Winding Up) Ordinance 1957
126.	Ord.7/1957	Taiping Rating Validation Ordinance 1957
127.	Ord.16/1957	Pure Life Society (Suddha Samajam) (Incorporation) Ordinance 1957
128.	Ord.21/1957	Titular Superior of the Brothers of Saint Gabriel (Incorporation) Ordinance 1957
129.	Ord.22/1957	Overseas Missionary Fellowship (Incorporation) Ordinance 1957
130.	Ord.33/1957	Daughters of Charity of the Canossian Institute (Incorporation). Ordinances 1957
131.	Ord.39/1957	Superior of the Institute of the Franciscan Missionaries of Mary (Incorporation) Ordinance 1957
132.	Ord.50/1957	City of George Town Ordinance 1957
133.	Ord.58/1957	Pending Laws (Validation) Ordinances 1957
134.	Ord.79/1957	Loan (International Tin Buffer Stock) Ordinance 1957
135.	Ord.7/1958	Loan (Food Supplies) Ordinance 1958
136.	Ord.25/1958	Indian Immigration Fund (Winding Up) Ordinance 1958
137.	Ord.54/1958	Titular Superior of the Institute of the Marist Brothers of the Schools (Incorporation) Ordinance 1958

138.	Ord.14/1959	Loan (State of Brunei) Ordinance 1959
139.	Ord.22/1959	Enemy Property Ordinance 1959
140.	Ord.28/1959	Loan (Development Loan Fund) Ordinance 1959
141.	Act 7/1959	Loan (Export Credits Guarantee Department) Act 1959
142.	Act 24/1960	Emergency Regulations (Indemnity) Act 1960
143.	Act 27/1960	Currency Act 1960
144.	Act 17/1961	Loan (International Tin Buffer Stock) Act 1961
145.	Act 32/1961	Tropical Fish Culture Research Institute Act 1961
146.	Act 38/1961	War Risks (Goods) Insurance Fund (Winding Up) Act 1961
147.	Act 40/1961	Disposal of Public Funds (State of Penang) Act 1961
148.	Act 16/1962	Redemptorist Father (Incorporation) Act 1962
149.	Act 20/1962	Income Tax (Tin Buffer Stock Contributions and Repayments) Act 1962
150.	Act 23/1962	Malayan Planters Provident Fund (Burma) Act 1962
151.	Act 24/1962	Malayan Estate Staff Provident Fund (Burma) Act 1962
152.	Act 26/1962	Stamp (Unnumbered Shares) Act 1962
153.	Act 28/1962	Pensions (Public Authorities) Act 1962
154.	Act 35/1962	Chinese Tin Mines (Rehabilitation Loans) Act 1962
155.	Act 4/1963	Rubber Industry (Anti-Inflationary Cess) (Winding Up) Act 1963
156.	Act 26/1963	Malaysia Act 1963
157.	Act 31/1963	Loan (Advance) Deposits Act 1963

MALAYSIA

Bil.	Nama Perundangan	
158.	Act 9/1964	Local Authorities (Conditions of Service) Act 1964

169.	Act 2/1965	Finance Act 1965
160.	Act 5/1965	Transfer of Functions (Registrar-General of Sarawak) Act 1965
161.	Act 6/1965	Warrants and Summons (Special Provision) Act 1965
162.	Act 38/1965	Customs (Exemption and Remission of Charges) Act 1965
163.	Act 40/1965	Central Electricity Board (Change of Name) Act 1965
164.	Act 53/1965	National Land Code 1965
165.	Act 57/1965	Federal Statute Law Revision (Johore) Act 1965
166.	Act 58/1965	Federal Statute Law Revision (Kedah) Act 1965
167.	Act 59/1965	Federal Statute Law Revision (Kelantan) Act 1965
168.	Act 60/1965	Federal Statute Law Revision (Perak) Act 1965
169.	Act 61/1965	Federal Statute Law Revision (Perlis) Act 1965
170.	Act 62/1965	Federal Statute Law Revision (Selangor) Act 1965
171.	Act 63/1965	Federal Statute Law Revision (Sabah) Act 1965
172.	Act 64/1965	Federal Statute Law Revision (Former Federated Malay States) Act 1965
173.	Act 65/1965	Federal Statute Law Revision (Former Straits Settlements) Act 1965
174.	Act 66/1965	Federal Statute Law Revision (British Military Proclamation) Act 1965
175.	Act 67/1965	Federal Statute Law Revision (Former Malayan Union) Act 1965
176.	Act 68/1965	Federal Statute Law Revision (Former Federation of Malaya Ordinances) Act 1965
177.	Act 69/1965	Federal Statute Law Revision (Acts of Parliament Malaysia) Act 1965
178.	Act 70/1965	Federal Statute Law Revision (Financial Legislation) (States of Malaya) Act 1965
179.	Act 71/1965	Federal Statute Law Revision (General Provisions) Act 1965

180.	Act 77/1965	Penang and Province Wellesley Jubilee Fund Act 1965
181.	Act 8/1966	Federal Statute Law Revision (Suits against the Ruling Houses) Act 1965
182.	Act 18/1966	Customs (Malaysian Common Tariffs) Act 1966
183.	Act 47/1966	Loan (International Tin Buffer Stock) Act 1966
184.	Act 68/1966	Emergency (Federal Constitution and Constitution of Sarawak) Act 1966
185.	Act 1/1967	Pensions (Temporary Provisions) (Sabah) Act 1967
186.	Act 26/1967	Transfer of Functions (Registrar- General of Sarawak) Act 1967
187.	Act 31/1967	Income Tax (Tin Buffer Stock Contributions and Repayments) Act 1967
188.	Act 48/1967	Loan Funds (Allocation to R.I.D.A 1953 to 1960) Act 1967
189.	Act 16/1968	Legislature of Sarawak (Application of Monies Borrowed From the Federation) Act 1968
190.	Act 21/1968	Custom Duty (Penang) Indemnity Act 1968
191.	Act 25/1968	Sabah Port Authority (Consequential Provisions) Act 1968

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai unit kapal dan pesawat yang dimiliki oleh APMM setakat tahun 2009, kos pengendalian aset-aset tersebut bagi tahun 2008 dan 2009, kos yang akan terlibat dalam proses penyerapan aset Polis Marin dan Jabatan Perikanan ke dalam APMM.

JAWAPAN : Y.B. DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga tahun 2009, APMM mempunyai 126 buah vessel yang terdiri daripada 50 buah kapal dan 76 buah bot. Di samping itu, APMM juga mempunyai 5 buah pesawat. Senarai penuh adalah seperti di Lampiran A. Kos pengendalian dari aspek senggaraan dan penggunaan minyak bagi aset tersebut untuk tahun 2008 adalah sebanyak RM 190.6 juta dan untuk tahun 2009 adalah sebanyak RM 167.8 juta.

Manakala kos yang terlibat dalam proses penyerapan aset Polis Marin dan Jabatan Perikanan ke dalam APMM boleh dikategorikan kepada dua kategori iaitu :

Kategori 1 :

Bagi aset kapal dan bot, kos penyerapannya adalah merupakan kos senggaraan dan pembalikan yang perlu dilaksanakan ke atas kapal dan bot yang diserapkan tersebut bagi meningkatkan keupayaannya dari keadaan

semasa kepada keadaan boleh dioperasikan dengan baik dan selamat. Jumlah keseluruhan kos ini tidak dapat ditentukan pada ketika ini kerana ia bergantung pada bilangan kapal dan bot yang akan diserapkan, jenisnya dan kerosakan semasa aset tersebut. Berpandukan kepada rekod yang lepas, kos tersebut boleh mencapai antara RM 500 ribu hingga RM 1 juta bagi setiap kapal yang panjangnya antara 20-30 meter.

Kategori 2 :

Bagi aset kuarters, pangkalan dan jeti yang akan diserapkan, kos yang akan terlibat adalah merupakan kos penjimatan kepada kerajaan kerana dengan penyerapan aset-aset ini akan mengurangkan kos pembinaan keseluruhan infrastruktur yang perlu dibangunkan bagi memenuhi keperluan APMM. Jumlah keseluruhan kos penjimatan ini tidak dapat ditentukan pada ketika ini kerana ia bergantung pada bilangan aset yang akan diserapkan. Adalah dijangkakan penyerapan setiap pangkalan termasuk kuarters akan melibatkan kos penjimatan sebanyak antara RM 60 – RM 80 juta.

SENARAI KAPAL / BOT DAN PESAWAT APMM SETAKAT TAHUN 2009

Jumlah kapal dan bot APMM setakat tahun 2009 adalah sebanyak 126 buah dan pesawat sebanyak 5 buah. Jenis aset tersebut adalah seperti berikut :

- a) 50 buah kapal dari jenis berikut :
 - i) Kelas Langkawi – Panjang 75 meter - 2 buah
 - ii) KM Marlin (Kapal Latihan) – Panjang 40 meter- 1 buah
 - iii) Kelas Gagah – Panjang 39 meter - 15 buah
 - iv) Kelas Ramunia – Panjang 32 meter - 5 buah
 - v) Kelas Sipadan – Panjang 31 meter - 15 buah
 - vi) Kapal – Panjang 21-26 meter - 12 buah
- b) 23 Buah Bot (Panjang 14-18 meter)
- c) 53 Buah Bot RHIB (Panjang 7.62 meter)
- d) 3 Buah Pesawat Helikopter jenis DAUPHIN AS 365 N3
- e) 2 Buah Pesawat Kapal Terbang jenis BOMBARDIER CL 415

Sekian, terima kasih.

**AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA
JABATAN PERDANA MENTERI**

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA
MOJILIP BIN BUMBURING @
WILFRED (TUARAN)
TARIKH : -
SOALAN : DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN
BUMBURING @ WILFRED (TUARAN) minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan:

Bila program bantuan (Subur) dimulakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Program ini pada mulanya dijadual dilaksanakan pada 1 Disember 2009. Walau bagaimanapun, memandangkan senarai e-Kasih dikatakan tidak lengkap dan terdapat aduan sebilangan mereka yang layak tetapi tidak disenaraikan dalam e-Kasih maka Kerajaan pada 20 November 2009 telah mengambil keputusan untuk menangguhkan pelaksanaan Program SUBUR sehingga senarai penerima SUBUR dimuktamadkan.

Maklumat permohonan penerima baru bagi Program SUBUR sedang dikumpul oleh Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen (MPPP) dan akan disahkan oleh Unit Penyelarasian Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU,JPM).

AW-240

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN BUMBURING @
WILFRED
(TUARAN)
NO.SOALAN : #3

DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN BUMBURING @ WILFRED (TUARAN)
minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN
KEPENGUNAAN menyatakan jenis barang atau perkhidmatan yang tidak lagi akan
menerima bantuan subsidi di bawah Dasar Kerajaan untuk berjimat cermat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sedang melaksanakan penstrukturran semula skim subsidi secara berperingkat-peringkat sebagai permulaan subsidi kepada industri roti tidak diteruskan lagi bagi tahun 2010. Harga runcit roti putih yang dikawal oleh kerajaan adalah RM2.10 bagi roti putih 400 gram dan RM2.90 bagi roti putih 600 gram di seluruh negara sejak November 2007. Di bawah Paket Rangsangan Ekonomi Kedua 2009, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM89 juta sebagai bantuan kewangan kepada industri roti bagi mengekalkan harga runcit roti putih pada harga kawalan. Bantuan kewangan

adalah untuk menampung kerugian pengilang akibat daripada peningkatan harga gandum dunia dan membolehkan pengilang roti kekal bersaing dalam pasaran. Bantuan kewangan tersebut adalah berdasarkan faktor harga gandum berprotein tinggi dunia yang digunakan untuk membuat roti putih telah naik ke paras RM2,386 se tan metrik berbanding RM1,385 se tan metrik atau kenaikan sebanyak 72%. Keadaan ini menyebabkan pengilang mengalami kerugian sebanyak 31.6 sen untuk roti putih 400 gram (7.9 sen per 100 gram) sekiranya roti putih kekal dijual pada harga sekarang iaitu RM2.10 per 400 gram.

2. Dalam konteks penetapan harga barang kawalan di Malaysia, sebarang kenaikan kos pengeluaran seperti kos bahan mentah serta kos input lain, akan ditampung oleh Kerajaan melalui pemberian bantuan kewangan bagi memastikan harga kekal pada harga kawalan yang ditetapkan Kerajaan. Ini mengakibatkan Kerajaan menanggung bebanan kewangan yang tinggi. Sehubungan itu, liberalisasi harga secara berperingkat-peringkat adalah wajar untuk dilaksanakan bagi memberi peluang kepada peniaga bersaing secara sihat dan dapat berkembang. Harga roti putih telah diliberalisasikan mulai 1 Januari 2010 atas faktor-faktor berikut:

- (i) roti putih merupakan produk akhir dan kenaikan harga tidak akan mempengaruhi kenaikan barang-barang lain secara total;
- (ii) trend penurunan harga komoditi gandum di pasaran dunia;
- (iii) terdapat pelbagai jenis, jenama dan kualiti roti di pasaran di mana pengguna boleh membuat pilihan;
- (iv) menggalakkan pengilang roti bersaing secara sihat dan;

(v) liberalisasi awal harga roti akan mengurangkan beban kewangan Kerajaan dan peruntukan tersebut dapat digunakan untuk menampungkan perbelanjaan Kerajaan untuk program-program pembangunan untuk rakyat.

3. Walaupun harga roti putih diliberalisasi mulai 1 Januari 2010, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan masih mempunyai kuasa mengawal serta aktiviti pengeluaran roti untuk memastikan bekalan roti putih mencukupi di pasaran.

